

NASKHAH  
PERCUMA

# Buletin JKKN

JABATAN KEBUDAYAAN  
& KESENIAN NEGARA  
جہاتن کبواڊایان دان کسنیان نکارا

ISSN 2180 - 009 X

BIL 3 / 2014

KOIR KEBANGSAAN MALAYSIA  
Mempersembahkan  
"CLASSIQUE"



Panggung  
Seni Tradisional  
2014  
Traditional Arts Showcase 2014

JKKN

Persembaan Pulera Sadao



Commonwealth Association for Public Administration and Management

CAPAM 2014  
BIENNIAL CONFERENCE

PUBLIC SERVICE TRANSFORMATION: A NEW CONVERGENCE

The Honourable Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Yassin  
Deputy Prime Minister  
19 - 21 November 2014  
International Convention Centre (PICC), Putrajaya

Inspirasi  
2014



bazar  
industri  
kreatif



PERTANDINGAN AKHIR  
BINTANG ASLI  
RAJA KEBANGSAAN 2014



Hari  
UNESCO  
MALAYSIA  
2014



Warisan Kita  
Warisan Dunia

JOM KE PAM

**TINTA EDITOR****Update Status****Add Photos/Video**

Assalamualaikum dan Salam 1Malaysia,

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) adalah sebuah Agensi yang memainkan peranan penting dalam usaha memelihara, memulihara, membangun dan menyemarakkan seni budaya tempatan dalam kalangan khalayak masyarakat. Pelaksanaan pelbagai program dan acara kebudayaan dan kesenian sepanjang tahun 2014 jelas membuktikan bahawa JKKN komited bagi merealisasikan hasrat untuk melahirkan masyarakat yang berbudaya luhur dan cemerlang.

Usaha untuk melahirkan masyarakat yang berbudaya luhur dan kukuh jati diri bagaimanapun tidak tertumpu pada pelaksanaan program kebudayaan dan kesenian semata-mata. Ia turut dilengkapkan dengan pembinaan pengetahuan melalui penerbitan bahan-bahan bercetak dan audio visual yang bersifat ilmiah dan separuh ilmiah yang berupaya mendidik masyarakat untuk lebih mengenali serta memahami kebudayaan dan kesenian tempatan. Sifat dan semangat menghargai seni perlu sentiasa disemai dan disebarkan dalam setiap diri individu kerana ia adalah warisan generasi terdahulu yang sangat bernilai dan perlu diwariskan pula kepada generasi akan datang.

Salmiyah Ahmad  
Editorial

## SIDANG EDITORIAL

### JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA

#### **YBhg. Datuk Norliza Roffi**

Ketua Pengarah

#### **YBrs. Mohamad Razy Mohd Nor**

Timbalan Ketua Pengarah

(Sektor Dasar dan Perancangan)

#### **YBrs. Tn. Hj. Mesran Mohd. Yusop**

Timbalan Ketua Pengarah

(Sektor Kebudayaan dan Kesenian)

#### **YBrs. Rosli Osman**

Pengarah Kanan

(Sektor Kebudayaan dan Kesenian)

#### **YBrs. Rodzuan Ismail**

Pengarah Kanan

(Sektor Dasar dan Perancangan)

#### **Editorial**

- Salmiyah Ahmad

#### **Penolong Editorial**

- Muhammad Haqkam Hariri.

#### **SIDANG EDITORIAL**

##### **Penulis**

- Salmiyah Ahmad
- Zuriah Mohamad
- Muhammad Haqkam Hariri
- Ismarizal Zulamran
- Muhammad Faizal Ruslee
- Siti Anisah Abdul Rahman
- Fauziah Ahmad

#### **Pereka Grafik/Kreatif**

- Bafti Hera Abu Bakar

#### **Jurufoto**

- Zaman Sulieman

#### **SIDANG REDAKSI**

- Bahagian Pengembangan Seni
- Bahagian Pengembangan Budaya
- Bahagian Bimbingan Seni Budaya
- Bahagian Pengukuhan Seni Budaya
- Bahagian Pembangunan Produksi dan Artistik
- Bahagian Perancangan dan Penyelarasan
- Bahagian Pembangunan Produk Seni Budaya (Industri Kreatif)
- Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan
- Bahagian Pentadbiran dan Kewangan
- Cawangan Komunikasi Korporat
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Negeri-Negeri

#### **PENYELARAS PENGEDARAN BULETIN**

- Muhammad Haqkam Hariri
- Muhammad Faizal Ruslee
- Badrul Hisham Mujib
- Ridzwan Azme

# KANDUNGAN

Perutusan Ketua Pengarah	1
Info Bahasa Dan Persuratan - Perbezaan Kata Sendi Nama 'Dari' dan 'Daripada'.	2
Jauhar JKKN - Laghwu.	3
Panggung Seni Tradisional 2014 - Koleksi Tari Klasik Malaysia 2014	4
Bicara Seni - "Kesederhanaan Dalam Perpaduan Nasional".	5
Program Bimbingan Seni Budaya - Festival Bimbingan Seni Budaya Negeri Melaka 2014.	6
- Festival Bimbingan Seni Budaya Pulau Pinang 2014.	7
Bazar Industri Kreatif	8
Inspitari 2014	9
Sambutan Hari UNESCO Malaysia 2014 "Warisan Kita Warisan Dunia".	11
Deligasi Budaya ke Taipei - <i>International Travel Fair</i> .	12
Bangsawan Sinbad	13
Pertandingan Akhir Bintang Asli Remaja Kebangsaan 2014.	15
Koir Kebangsaan Malaysia - 'CLASSIQUE'.	17
Festival Teater Malaysia 2014	19
Festival Tari Melayu - Peringkat Negeri Johor.	21
- Peringkat Negeri Pulau Pinang.	22
Festival Kanak-Kanak Johor	23
Ekspresi Muzik Johor	23
JKKN Sana Sini - Bicara Tokoh Negeri Sembilan.	24
Pusat Seni Setempat	25
Sesi Kreatif	26
CAPAM	27
Coretan Bahan Seni Budaya	28
Representasi Seni Budaya Melalui Filem Dokumentasi.	29
Teka Seni Budaya	30
Mesyuarat Pengarah-Pengarah JKKN	31
Tahukah Anda? - Randai	33
Bengkel Ketrampilan 2014	34
JKKN @Media	35
Hari Keluarga KPKK 2014	37
Wefie JKKN	38
Senarai Penerbitan JKKN	39

# UCAPAN TOKOH



Allahyarham Tan Sri Datuk Amar Dr. P. Ramlee

**- Pelakon, Pengarah, Pemuzik, Komposer dan  
Seniman Negara.**

*"Pohon kelapa walau begitu besarnya sekalipun,  
tetapi kalau sudah ada dedalu pada pohonnya  
maka pohon kelapa itu mesti mati."*

*"Muzik dapat memainkan peranan yang penting  
menguasai seluruh masyarakat demi kepentingan  
negaranya."*

*"Kita hamba kepada seni, dan bukan  
menjadi tuan kepada seni."*

*"Anak-anak muda yang menyanyi ikut suka hati,  
bermain muzik ikut suka hati, berpakaian ikut suka  
hati akan menjadi terdedah kepada unsur-unsur  
yang tidak baik dan dengan sendirinya lahir  
angkatan yang tidak berdisiplin."*

*"Lagu dan muzik pop yang tidak bermutu akan  
melahirkan generasi yang liar pada masa  
hadapan."*

Sumber Dari :  
BIOGRAFI P. RAMLEE  
Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia  
(FINAS)

# Perutusan Ketua Pengarah

Assalamualaikum dan Salam 1Malaysia,

Syukur Alhamdulillah ke hadirat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah rahmatnya, kita menuju ke penghujung 2014 setelah selesai melaksanakan perancangan 2014 berserta program-program *ad-hoc* yang di pertanggungjawabkan dengan sempurna dan jayanya.

Aktiviti JKKN yang merangkumi seni persembahan, pengurusan acara, penyelidikan serta aktiviti yang berteraskan keilmuan terus dilaksanakan dengan penganjuran program berskala besar. Sepanjang tahun ini, JKKN telah dapat melaksanakan semua aktiviti yang dirancang, malah telah melebihi jumlah bilangan yang ditetapkan. JKKN berjaya melaksanakan sebanyak 2,286 aktiviti melebihi 1,533 sasaran KPI (Indikator Pencapaian Utama) yang telah ditetapkan. Peningkatan pencapaian aktiviti ini menunjukkan bahawa warga JKKN sangat komited dalam melaksanakan tugas dan berusaha untuk memantapkan seni budaya di mata masyarakat. Justeru, saya menyarankan agar semua anggota JKKN terus memberi perhatian kepada usaha meningkatkan jaringan kerjasama dengan pihak-pihak lain agar aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan akan terus memberi impak yang lebih tinggi dan memberi manfaat yang lebih baik kepada penggiat dan khalayak seni. Saya juga ingin menggalakkan pelaksanaan program yang menyokong *Malaysia Year Of Festival 2015* yang dilaksanakan di peringkat Kementerian mahupun di peringkat negeri. Semoga kita memulakan tahun 2015 dengan semangat baru dan penuh iltizam untuk melaksanakan setiap tanggungjawab dengan sebaik mungkin.

**TAHNIAH DAN TERIMA KASIH  
KEPADA SELURUH WARGA KERJA  
JKKN ATAS PRESTASI CEMERLANG  
2014.**

**Datuk Norliza Rofli  
Ketua Pengarah JKKN**



# Perbezaan Kata Sendi Nama 'DARI' DAN 'DARIPADA'

Mungkin semua pernah terkeliru dengan perkataan ini iaitu 'dari' dan 'daripada'. Keliru itu berlaku apabila anda membuat penulisan sama ada ingin meletakkan dari ataupun daripada. Oleh itu, dipaparkan sedikit info mengenai perbezaan dua perkataan ini.

DARI	DARIPADA
<p><b>Maksud:</b> Secara mudahnya, kata sendi nama "dari" digunakan untuk menyatakan <b>tempat, masa</b> dan <b>arah</b>.</p>	<p><b>Maksud:</b> Kata sendi nama 'daripada' pula digunakan untuk menyatakan <b>orang, perbandingan</b> dan <b>asal kejadian</b>.</p>
<p><b>Contoh – contoh:</b></p> <p>i) <b>Tempat</b> Cikgu Syahmie Aiman berasal <b>dari</b> Tumpat, sebuah lokasi yang terkenal dengan industri ikan arowana.</p> <p>ii) <b>Masa</b> <b>Dari</b> pagi tadi lagi ibu masih belum menjamah walaupun sesuap nasi.</p> <p>iii) <b>Arah</b> <b>Dari</b> situ menuju ke sini mengambil masa lebih kurang lima belas minit.</p>	<p><b>Contoh – contoh:</b></p> <p>i) <b>Orang</b> Muhaimin menerima kiriman baju raya <b>daripada</b> tunangnya, Shuhada.</p> <p>ii) <b>Perbandingan</b> Walaupun badannya kecil, Firdaus mempunyai pemikiran yang lebih matang <b>daripada</b> kakaknya, Fitriani.</p> <p>iii) <b>Asal kejadian</b> Kasut itu diperbuat <b>daripada</b> campuran getah dan plastik.</p>

Ringkasnya, kita harus mengetahui bahawa 'dari' adalah perkataan ataupun kata sendi nama yang biasa digunakan untuk arah, masa dan tempat. Perkataan 'daripada' pula digunakan untuk orang, perbandingan dan asal-usul.



**Siti Anisah Abdul Rahman      Fauziah Ahmad**

Bahagian Dokumentasi Dan Penerbitan, JKKN

Laghwu dalam Bahasa Arab dimaksudkan ‘permainan’ atau dengan kata lain adalah ‘seni dan hiburan’. Dalam kita memperkasakan seni budaya negara, perkara berkaitan iman sentiasa menjadi sebahagian daripada topik perbincangan utama di dalam pembentukan masyarakat yang berbudaya luhur.

Seni, budaya dan adat tidak dapat dipisahkan dalam pembinaan sesebuah negara. Dalam Malaysia agama memainkan peranan penting dalam pembentukan seni, budaya dan adat yang menjadi simbol ketamadunan agama. Islam adalah unsur ketiga di dalam teras Dasar Kebudayaan Kebangsaan, selain budaya serantau dan unsur lain yang difikirkan wajar serta selari dengan ketamadunan negara.

Apabila Islam diperkatakan dalam Dasar Kebudayaan Kebangsaan bermaksud seni budaya yang dibangunkan di Malaysia perlu berteraskan hukum Islam sepenuhnya. Namun, pembangunan seni budaya berteraskan Islam di Malaysia perlu dibangunkan secara berfasa dan bertoleransi bagi memelihara tradisi suatu kaum yang berbeza-beza. Seni dan budaya jika ditinjau dari segi roh Islam, ianya tidak ada permasalahan bahkan kebaikan dunia yang dinikmati oleh jiwa yang dianggap baik oleh akal dan fitrah serta disenangi oleh panca indera semata-mata.


Apabila diperkatakan tentang fitrah, naluri manusia akan sentiasa melekat kepada sesuatu yang indah, merdu dan cantik sejak zaman kanak-kanak. Sehingga kita boleh melihat pada zaman bayi yang sedang menyusu boleh ditenangkan dengan suara-suara indah oleh para ibu.

Namun, batasan kebaikan perlu diperjelaskan supaya manusia yang mempunyai akal yang sihat dan jiwa yang bersih tidak lalai dari mengingati dan bersyukur di atas segala kurniaan Allah Swt. Batasan tersebut boleh datang daripada niat, pergaulan dan tauhid individu terhadap setiap seni dan budaya yang menjadi kecenderungannya. Islam membataskan beberapa seni dan budaya yang dibolehkan dan diharamkan. Islam menganjurkan seni dan budaya yang berbentuk keperluan masyarakat bukan sekadar hiburan semata-mata. Islam menitikberatkan seni dan budaya yang boleh memberi manfaat kepada masyarakat sejagat.



**Haqkam Hariri**  
Bahagian Dokumentasi  
Dan Penerbitan, JKKN

## PETA MINDA ‘LAGHWU’





saudara Eezmeer Khasbullah. Gerak Tari 'Bertimpuh' mengambil tempat di atas pentas sebagai pembuka acara; dipersembahkan oleh gabungan lima (5) buah kumpulan berikut:

- i. 'Tarian *Asyik Sasang*' oleh Kumpulan MAWARKU dan Kumpulan KESUMA
- ii. 'Tarian *Dabus*' oleh Kumpulan Kesenian (KK) JKKN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- iii. 'Tarian *Cinta Sayang*' oleh Kumpulan MAWARKU dan Kumpulan KESUMA
- iv. 'Tarian Klasik India' – '*Odissi*' oleh Kumpulan *Angika Fine Arts*
- v. "Tarian *Joghee*" oleh KK JKKN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Program diteruskan dengan persembahan daripada Fakulti Seni Tari, ASWARA iaitu '*Terinai*', disusuli Tarian '*Sapu Tangan*' oleh graduan Universiti Malaya (UM), Tarian '*Rodai*' oleh KK JKKN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Tarian '*Layang Mas*' oleh ASWARA, Tarian '*Ya Ladan*' oleh Kumpulan MAWARKU dan akhir sekali persembahan daripada Kumpulan KESUMA iaitu '*Zapin Hanuman*'. 12 *genre* tarian dipersembahkan sekaligus di atas satu pentas telah menarik perhatian ramai penonton termasuk aktivis-aktivis tari dan penggiat seni tanah air.

Segmen seterusnya menampilkan '*Joget Gamelan*' (*Timang Burung*) yang dibawakan oleh Fakulti Tari, ASWARA seterusnya KK JKKN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pula membawakan Tarian '*Sewang*' bagi mewakili masyarakat Orang Asli di Malaysia; dan diikuti oleh Tarian '*Kuda Kepang*' yang juga dipersembahkan oleh Fakulti Tari, ASWARA. Akhir sekali Kumpulan MAWARKU mempersembahkan '*Joget Selendang*' buat tatapan penonton. Persembahan Koleksi Tari Klasik ini diakhiri dengan persembahan *finale* dengan iringan *medley* lagu '*Watimang Landak*' dan '*Ya Bani Ya Badang*'.

Panggung Seni Tradisional 2015 pula dijangka akan menemui khalayaknya pada tahun hadapan. JKKN memainkan peranan penting dalam memulihara dan mengekalkan khazanah seni budaya Negara. Sama-samalah kita nantikan dan teruslah menyokong peranan dan usaha JKKN dalam menyemarakkan warisan seni tradisional rakyat yang autentik dan klasik ini agar tidak pupus dan dilupakan oleh generasi baru.



**Mohamad Safran bin Nawi**  
Bahagian Penyelidikan dan  
Pembangunan, JKKN

Melabuhkan tirai 2014, Koleksi Tari Klasik Malaysia dipentaskan pada 31 Oktober & 01 November sempena program Panggung Seni Tradisional 2014. Koleksi Tari Klasik Malaysia merupakan siri ke-8 selepas pementasan Boria; pada 21 & 22 Februari 2014, Wayang Kulit Gedek; pada 07 & 08 Mac 2014, Dramatari Klasik India – Anarkali; pada 11 & 12 April 2014, Koleksi Tari Borneo pula pada 09 & 10 Mei 2014 dan Teater Tradisional Mak Yong pada 20 & 21 Jun 2014. Seterusnya Teater Tradisional Menora 15 & 16 Ogos 2014, Teater Tradisional Jikey pada 12 & 13 September 2014.

Persembahan Koleksi Tari Klasik Malaysia ini menggabungkan lima (5) kumpulan yang terdiri daripada Kumpulan Kesenian Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kumpulan KESUMA Universiti Malaya, Fakulti Tari Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), Kumpulan Angika Fine Arts dan paling istimewa; kumpulan 'orang lama' Kompleks Budaya Negara (KBN); Pertubuhan Warisan Seni Tari dan Muzik Melayu – MAWARKU.

Program dimulakan dengan persembahan syair yang disampaikan oleh penyanyi tempatan iaitu saudari Suhaila Ng; diiringi gesekan violin oleh

## BICARA SENI

# "Kesederhanaan Dalam Perpaduan Nasional"

Bertempat di Dewan Eksperimental, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, pada 15 Oktober 2014 yang lalu, program Bicara Seni Siri IV telah dilaksanakan. Kali ini, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) JKKN telah mengundang seorang tokoh yang berperanan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Gerakan Kesederhanaan Global iaitu, Yang Berbahagia Dato' Saifuddin Abdullah. Beliau pernah menjawat jawatan sebagai Timbalan Menteri Pengajian Tinggi merangkap Ahli Parlimen Temerloh, Pahang bagi tempoh 08 Mac 2008 sehingga 05 Mei 2013. Program yang dianjurkan dengan kerjasama Pusat Antarabangsa Kebudayaan Islam (CiTRA), Universiti Islam Antarabangsa ini telah dilaksanakan dengan kehadiran seramai 250 orang peserta yang terdiri daripada para pelajar UIA dan orang awam. YBrs. Encik Mohamad Razy Mohd Nor, Timbalan Ketua Pengarah, Sektor Dasar dan Perancangan, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) telah sudi hadir bagi memeriahkan majlis. Turut hadir memberikan sokongan ialah YBrs. Encik Ghazali Bidin, Pengarah JKKN Selangor berserta Timbalan beliau; Tuan Haji Saini Lini serta YBrs. Dr. Mahadi J. Murat, Pengarah CiTRA. Program yang berlangsung selama dua (2) jam ini dikendalikan oleh seorang pemudahcara yang tidak asing lagi, iaitu Saudara Suhaimi Mohamed.

Di dalam ceramah beliau, YBhg. Dato' Saifuddin Abdullah menekankan beberapa perkara seperti berikut :

- \* Sikap kesederhanaan dan perpaduan antara kaum boleh dipupuk melalui sistem pendidikan negara;
- \* Dialog antara kaum dan agama perlu diadakan bagi memupuk semangat toleransi dan kerjasama rakyat yang berbilang kaum;
- \* Kespantasan pembangunan teknologi dan media sosial boleh mempengaruhi hubungan kaum di Malaysia;
- \* Setiap umat Islam perlu memahami dan menjauhi sikap '*pelampau*' dalam segala aspek kehidupan serta memahami Perlembagaan Negara demi kelangsungan keamanan;
- \* Dana khas berbentuk insentif cukai boleh ditawarkan kepada pihak swasta yang mampu menganjurkan program/aktiviti yang melibatkan hubungan kaum khususnya di antara Semenanjung dan Malaysia Timur.

\* Peranan serta penglibatan generasi muda bagi menyampaikan idea kepada pihak kerajaan melalui Badan Bukan Kerajaan (BBK) penting bagi menentukan hala tuju sesebuah negara.

\* Kesederhanaan dalam semua bidang yang merangkumi pendidikan, cara hidup berjiran, berkawan dan hubungan dengan pemerintah dilihat mampu untuk menyelesaikan banyak isu sensitif dengan baik;

\* Aktiviti sukan serta kerja-kerja kebajikan seperti gotong-royong juga merupakan salah satu usaha yang mampu memupuk perpaduan dan mengimbangi jurang antara kaum; dan

\* Walaupun Negara telah mencapai kemerdekaan namun semangat toleransi dan perbincangan antara kaum perlu diteruskan bagi menjamin keamanan dan kestabilan negara.

YBhg. Dato' Saifuddin Abdullah juga bersetuju bahawa untuk mengekalkan keharmonian dan perpaduan kaum, kesederhanaan dalam semua aspek kehidupan merupakan faktor utama seperti mana yang disarankan di dalam agama Islam. Program yang berakhir pada pukul 4.30 petang itu telah berlangsung dengan lancar dan teratur serta mendapat sambutan yang begitu baik dari para peserta dalam sesi soal jawab.



**Mohamad Safran bin Nawi**  
Bahagian Penyelidikan dan  
Pembangunan, JKKN

**Bicara Seni**  
**"KESEDERHANAAN DALAM PERPADUAN NASIONAL"**

**Tarikh :**  
15 Oktober 2014 (RABU)

**Tempat :**  
Dewan Eksperimental  
Universiti Islam Antarabangsa  
Malaysia

**Masa :**  
2.30 petang

**bersama :**  
Yang Berbahagia Dato' Saifuddin Abdullah  
CEO Gerakan Kesederhanaan Global (GMM)

depan kerjasama!  
Pusat Antarabangsa Kebudayaan Islam (CiTRA)

Maklumat Lanjut Sila Hubungi :  
Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan  
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara  
Suhaimi Ahmad Razy 03-8414 8280  
03-8414 8281

Meriah! Itulah frasa yang paling tepat bagi menggambarkan senario penganjuran Festival Bimbingan Seni Budaya Negeri Melaka 2014 di Bandar Hilir, Melaka pada 22 November lalu. Program anjuran JKKN Melaka dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Melaka ini telah disaksikan oleh 1500 penonton tempatan dan luar negara. Program yang melibatkan seramai 350 peserta yang terdiri daripada Kelab Tunas Budaya (KTB), Kelab Giat Budaya (KGB), Tunas Budaya Tari (TBT) dan Bimbingan Seni Budaya Rakyat (BSBR) berjaya mencungkil bakat di kalangan generasi muda dan orang lama yang mempunyai kemahiran seni budaya tempatan.

YB. Tuan Haji Md Rawi bin Mahmud, Timbalan Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi Negeri Melaka yang hadir dalam program tersebut kagum dengan persembahan yang dilakukan dari para peserta terutama pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah.

Beliau berkata, acara itu merupakan kelangsungan daripada Program Bimbingan Seni Budaya (PBSB) negeri yang berlangsung sejak awal tahun ini. Menurutnya, langkah itu menjadi platform peryerlahan dan penilaian prestasi hasil pengajaran serta pembelajaran selama enam bulan dalam bidang seni budaya sama ada seni tari, seni muzik, seni teater, seni mempertahankan diri dan permainan gasing. Tahun ini, JKKN Melaka telah melibatkan penyertaan daripada 35 buah sekolah

rendah, 13 buah sekolah menengah dan 18 buah komuniti sekitar negeri Melaka dalam program yang berkonsepkan asuhan seni. Turut membuat persembahan adalah golongan dewasa yang mengikuti PBSB dari beberapa komuniti terpilih sekitar Melaka.

Penganjuran program ini juga memberi peluang kepada para Jurulatih Seni Budaya Negara (JSBN) mempamerkan hasil kreativiti mereka dan sekaligus dapat memberi pendedahan kepada pelajar dengan pengalaman mengadakan persembahan di khalayak ramai," katanya ketika ditemui di sini.

Turut hadir, Datuk Haji Md Rashid bin Hj. Husin; Pengarah Pendidikan Negeri Melaka, En. Mohd Amran bin Mohd Haris; Pengarah Bahagian Bimbingan Seni Budaya, JKKN Ibu Pejabat dan Puan Zubariah binti Abdullah, Timbalan Pengarah JKKN Melaka.

Festival yang mendapat kerjasama penuh daripada Jabatan Pendidikan Negeri Melaka itu, secara tidak langsung menjadi penanda aras kepada pelaksanaan PBSB yang menjadi program utama JKKN dengan Kementerian Pendidikan Malaysia.



**Normila Mohamad Said**  
JKKN Melaka



# FESTIVAL BIMBINGAN SENI BUDAYA PULAU PINANG 2014

Program Festival Bimbingan Seni Budaya (FBSB) Peringkat Negeri Pulau Pinang yang diadakan pada 28 dan 29 Oktober 2014 bertempat di Dewan Terbuka, Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Jambul merupakan manifestasi kepada pencapaian dan komitmen peserta dan jurulatih dan menjadi medium terbaik kepada sekolah-sekolah yang menyertai (PBSB) untuk mengetengahkan bakat dan kemahiran peserta yang dipelajari dalam tempoh 6 bulan mengikut bidang masing-masing. Penglibatan 11 buah sekolah rendah TBT, 6 buah sekolah menengah (KGB) dan 2 komuniti (BSBR) serta dibantu oleh Tunas Budaya Tari Cemerlang (TBTC) dan Kumpulan Kesenian Jabatan (KKJ) dengan jumlah penyertaan seramai 330 orang telah mewarnai festival yang berkonsepkan '1Malaysia'.

FBSB yang diadakan di setiap negeri pada setiap tahun telah membuktikan keberkesanan PBSB sebagai wadah menyubur dan menyebarkan seni budaya di kalangan generasi muda masa kini.

FBSB ini dapat **memupuk masyarakat Malaysia yang berkualiti** dan cemerlang di kalangan kanak-kanak dari segi kehidupan bermasyarakat melalui nilai dan disiplin yang dipelajari dan diperolehi di dalam aktiviti kesenian.

Ia juga dapat **menyatupadukan rakyat Malaysia** seawal zaman kanak-kanak yang terdiri daripada pelbagai kaum dan keturunan kerana proses pembelajaran dan pengamalan tarian pelbagai kaum di dalam KGB dan KTB akan mewujudkan perasaan saling memahami dan menghormati antara satu kaum dengan kaum yang lain.

Program ini turut dapat **meningkatkan kualiti kesenian berasaskan tari, muzik, teater, seni berbahasa dan permainan gasing**. Disamping itu, ia dapat **membantu membangunkan dan menjana ekonomi negara** khusus dalam bidang seni tari, muzik, teater, seni berbahasa dan gasing kerana kanaka-kanak Permata Negara ini merupakan aset yang tidak ternilai kepada negara dan bangsa.

FBSB Peringkat Negeri Pulau Pinang ini telah dirasmikan oleh YBrs. Encik Mohd Amran bin Mohd Haris, Pengarah Bahagian Bimbingan Seni Budaya, JKKN Ibu Pejabat, di Dewan Terbuka, Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Jambul, pada 29 Oktober 2014, jam 2.00 petang. Tetamu kenamaan yang turut hadir ialah YBrs. Tuan Raja Shamsuddin bin Raja Salleh, Ketua Penolong Pengarah Sektor Pengurusan Kemanusiaan, Jabatan Pendidikan Negeri, Pulau Pinang.



**Zahir Bin Ahmad**  
JKKN Pulau Pinang





Pelaksanaan Bazar Industri Kreatif telah memasuki tahun yang ketiga, di mana ia telah dimulakan pada tahun 2012 dengan nama Bazar Seni Industri Budaya. Ia telah dilaksanakan dua (2) hari setiap kali pelaksanaan pada setiap bulan bermula pada bulan Mac setiap tahun. Ia telah dilaksanakan di Jalan Raja, Kuala Lumpur. Menyediakan ruang kepada usahawan untuk memasarkan produk- produk yang bersesuaian dengan matlamat Dasar Industri Kreatif.

**Industri Kreatif** ialah industri-industri yang melibatkan kreativiti individu, keterampilan dan bakat yang mempunyai potensi menjana kekayaan serta penciptaan peluang pekerjaan melalui pengalakan dan eksploitasi harta intelek. Seni untuk ekonomi yang melibatkan individu-individu berbakat, pihak korporat dan seterusnya memberi implikasi kepada Negara dari segi pendapatan dan imej Negara.

Program ini merupakan program yang memberi ruang kepada individu, Syarikat Seni atau Badan Bukan Kerajaan (BBK) seni budaya dalam mengetengahkan hasil kreativiti produk masing-masing untuk jualan bagi tujuan penambahan dana pendapatan BBK yang terlibat. Selain itu juga, program ini turut dijadikan sebagai *platform* kepada kelompok masyarakat yang berbakat, khususnya generasi muda dalam berkarya sama ada bidang multimedia, seni budaya atau warisan budaya.

Selain jualan, pengunjung juga akan dapat menyaksikan pelbagai persembahan dan program-program pencungkilan bakat sepanjang program dilaksanakan seperti pertandingan *breakdance*, pertandingan *face painting*, pertandingan karaoke, pertandingan *beatbox*, pertandingan *fun race* Tamiya, pertandingan dialog purbawara dan pertandingan gusti lengan. Pengisian program ini disasarkan kepada peminat produk seni budaya dari pelbagai peringkat umur dan pelancong dari dalam dan luar negara.

Antara pengisian Bazar Industri Kreatif pada bulan September hingga Disember adalah seperti berikut :

#### 6-7 September

- Pertandingan Gerai Gempak Merdeka
- Pertandingan Lagu Karaoke Patriotik
- Pertandingan *Breakdance*
- Persembahan Puisi 'Doa Buat Malaysia'
- Pertandingan *Autoshow*
- Pertunjukan *Drum Circle*

#### 25-26 Oktober

- Pertandingan *Fun Race* Tamiya
- Pertandingan Karaoke Lagu Kerohanian
- Persembahan Nasyid
- Persembahan Boneka Tangan
- Persembahan Bercerita Kanak-kanak
- Persembahan Tarian Tradisional
- Persembahan Wayang Kulit

#### 1-2 November

- Pertandingan Gusti Lengan
- Demonstrasi Grafitti
- Pertandingan Karaoke Gen-Y
- Pertandingan *Breakdance*
- Persembahan *Beatbox*
- Persembahan Dikir Barat
- Pertandingan *Selfie* Paling Kreatif

#### 22-23 November

- Pertandingan Karaoke Gen-Y
- Pertandingan *Fun Race*
- Pertandingan *Face Painting*
- Persembahan *Drum Circle*
- Pertandingan Dialog Purbawara
- Demonstrasi Canting Batik, UPM
- *Flashmob* Teater, UIA
- Persembahan *Fusion* Wayang Kulit 'Peperangan Bintang' @ *Starwars*
- Promosi Album 'Rentak Suara' komposer Alim Gilo - genre *Beat box* Hip hop

#### 6-7 Disember

(Bergabung dengan program Festival Kesenian Remaja 2014)

- Pertandingan Karaoke Gen-Y (Akhir)
- Pertandingan Gusti Lengan
- Pertandingan *Selfie* Seni Budaya
- Debat Dikir Barat
- *Beat Box Battle*
- Senam Seni
- Pertandingan *Breakdance*
- Pertandingan Gitar Akustik
- Persembahan *Flashmob*
- Persembahan *Stompers*
- *Human Statue*
- Pertandingan Sepak Raga Bulat
- Persembahan Dikir Barat
- Persembahan *Busker*
- Persembahan Silap Mata
- Pertandingan Gusti Lengan
- Pameran Basikal Antik dari Medan Indonesia
- Pertandingan Basikal Rakyat
- Pertandingan '*Motorshow*'



**Milyana Arshad**  
Bahagian Pengukuhan  
Seni Budaya, JKKN



# Inspitari 2014

Inspitari 2014 merupakan kesinambungan Inspitari terdahulu (2010 hingga 2013) yang melibatkan 15 Kumpulan Kesenian Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara (JKKN). Penganjuran ini merupakan satu usaha dalam melahirkan karya dan produk baru yang lebih dinamik dan segar. Objektif penganjuran program ini adalah untuk memperbanyak koleksi tarian baharu yang unik, segar dan beridentitikan Malaysia, serta bertujuan meningkatkan daya kreativiti jurulatih dan artis budaya (tari dan muzik) setiap Kumpulan Kesenian JKKN. Program ini dilihat mampu menjadi pemangkin dalam melahirkan kumpulan kesenian yang lebih mantap, berketerampilan dan bertaraf profesional.

Ilham daripada YBhg. Datuk Norliza Rofli, Ketua Pengarah JKKN ini telah berjaya menghasilkan satu jenama iaitu "Inspitari" yang merupakan gabungan dua perkataan Inspirasi dan Tari. Menurut Kamus Dewan Edisi Ke-Empat, *Inspirasi bermaksud ilham, bisikan hati, sesuatu yang menggerakkan hati untuk*

*mencipta sesuatu, manakala Tari pula bermaksud tarian gerakan badan serta tangan dan kaki secara berirama mengikut rentak muzik.* Namun dalam konteks program yang dianjurkan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) ini, Inspitari merupakan satu garapan daya cipta dan kreativiti yang ditampilkan dalam bentuk persembahan tarian ciptaan baru berasaskan imej dan identiti negeri serta masyarakat Malaysia yang dipersembahkan oleh Kumpulan Kesenian JKKN. Persembahan Inspitari 2014 ini menampilkan Muaz Mohamed dan Hanie Hamid sebagai pasangan pengacara yang turut bergandingan dengan Saifulkhairi Ahmad. Turut memeriahkan persembahan ialah tiga (3) kumpulan undangan iaitu Pertubuhan Warisan Seni Tari dan Muzik Melayu (MAWARKU) yang mempersembahkan tarian autentik berjudul '*Asyik Sasang*'; Kumpulan Kesenian Ya Nasr (Kelab Tunas Budaya) dengan '*Rampaian Tarian Rakyat*' dan Kumpulan Wakaka Crew yang mempersembahkan tarian generasi muda yang diberi nama '*Urban IMalaysia*'.



**Mohamad Safran bin Nawi**  
Bahagian Penyelidikan dan  
Pembangunan, JKKN.



Senarai Persembahan Inspitari oleh Kumpulan Kesenian Jabatan (KKJ)

BIL	JKKN	TAJUK TARIAN	KOREOGRAFER
1	Perlis	Rambong Krathong	Encik Novriadi Jamalus
2	Kedah	Met Ketok	Puan Nor Azreen Aznan
3	Pulau Pinang	Ghemeh	Encik Abd Razak Abd Malek
4	Perak	Rontak Kudo	Encik Zuri Azmir Zulkpli
5	Selangor	Keroncong Berdendang Kasih	Encik Muhammad Muhaldin Jamin
6	WP Kuala Lumpur	Lenggang Bukit Bintang	Encik Raziff Abd Rahman
7	Negeri Sembilan	Ghontak Bongai	Encik Nor Shaifulnizam Ramli
8	Melaka	Tari Nazam	Encik Suhaib Daud
9	Johor	Mappa Duppa	Encik Halmy Shah Ramli
10	Pahang	Lengkok Che' Nor	Encik Mohd Ash'ari Osman
11	Terengganu	Rejam Jenga	Encik Muhammad Suwandi Paiman
12	Kelantan	Mek Bungo	Encik Mohd Radzi Yusof
13	Sarawak	Ngalai Apu' Busak	Puan Soffina Ahmad
14	Sabah	Ulun Madai	Puan Hasni Abu Hassan
15	Ibu Pejabat	Kiut	Encik Amran Nunet
16	Ibu Pejabat	Kabaddi Attam	Puan Siti Suhaila Taman





# SAMBUTAN HARI UNESCO MALAYSIA 2014

## “Warisan Kita Warisan Dunia”

18 Oktober 2014 - Dataran Merdeka, Kuala Lumpur

*United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation (UNESCO)* adalah sebuah pertubuhan antarabangsa yang dianggotai oleh 195 buah negara dan beribu pejabat di Paris, Perancis. Sejak menganggotai UNESCO pada 16 Jun 1958, Malaysia telah memainkan peranan yang aktif dan telah dilantik menjadi Ahli Lembaga Eksekutif UNESCO sebanyak lima (5) kali di samping menganggotai beberapa organisasi subsidiari UNESCO yang lain seperti Jawatankuasa Warisan Dunia (WHC), *Intergovernmental Oceanographic Commission (IOC)* dan *International Bureau of Education (IBE)*.

Sambutan Hari UNESCO telah diadakan sejak tahun 2011 lagi. Pada kali ini JKKN telah dilantik sebagai

Jawatankuasa Persembahan Kebudayaan bagi Sambutan Hari UNESCO (HUM) 2014. HUM telah menjadi acara tahunan bagi mendedahkan pengiktirafan yang diterima Negara daripada badan pengiktiraf tersebut.

Penganjuran sambutan Hari UNESCO Malaysia adalah untuk meningkatkan kredibiliti SKUM.

Objektif HUM 2014 kali ini adalah untuk mendidik serta menyebarkan keunikan Tapak Warisan Dunia UNESCO melalui aktiviti-aktiviti seperti berikut :

- i. Pameran 4 Tapak Warisan Dunia UNESCO :
  - a) Taman Negara Mulu
  - b) Taman Kinabalu
  - c) Melaka & Georgetown
  - d) Lembah Lenggong
- ii. Pameran ‘*Memory of The World - International Register*’
- iii. Persembahan Mak Yong

Program yang telah berlangsung pada 18 dan 19 Oktober diserikan dengan kehadiran YAB Tan Sri Dato’ Haji Muhyidin bin Haji Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri, merangkap Menteri Pendidikan dan Presiden Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM).

Tetamu juga dipersembahkan dengan Tarian ‘Mengadap Rebab’ oleh En. Rosnan Rahman, seorang penggiat seni teater tradisional yang digelar sebagai “Pak Yong” dengan diiringi oleh penari-penari dari JKKN Kelantan. Majlis dirasmikan oleh YAB Tan Sri Dato’ Haji Muhyidin bin Haji Mohd Yassin, disusuli penyampaian Watakah Pengiktirafan Banjaran *Crocker* sebagai Rizal Biosfera MAB dan Pelancaran Buku Warisan Malaysia oleh dif-dif Kehormat. Majlis diteruskan dengan Persembahan Khas oleh Kumpulan Kesenian JKKN Negeri Melaka, Kumpulan Kesenian Dondang, Kumpulan Kesenian JKKN Negeri Sembilan, Sekolah Kebangsaan Pulau Meranti dan Kumpulan Kesenian Persatuan Anak-anak Sabah & Sarawak, Kuala Lumpur yang bernaung di bawah Badan Kesenian Kementerian Pertahanan.

Program pada hari kedua diserikan dengan persembahan pelbagai budaya, negeri dan bangsa. Program turut diisi dengan pameran Tapak Warisan UNESCO dan Pameran Satelit (Interaktif) oleh Jabatan Warisan Negara dan JKT SKUM.



Noor Atiqah Binti Zulkepli  
Bahagian Perancangan  
dan Penyelarasan, JKKN

# DELEGASI BUDAYA KE INTERNATIONAL TRAVEL FAIR

# Taipei

Delegasi Budaya ke *Taipei International Travel Fair* diketuai oleh Encik Baharuddin Baharin Bin Ramli, Timbalan Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Johor bersama 3 orang guru pembimbing serta Kumpulan Tunas Budaya, Program Bimbingan Seni Budaya (PBSB), SK Orang Kaya Ali, Muar. Program ini berlangsung di *Taipei World Trade Center*.

Persembahan utama yang dibawa adalah Tarian 'Ceracap Inai', 'Zapin Johor', 'Inang' dan banyak lagi persembahan bertemakan kebudayaan dan kesenian di Malaysia. Program ini merupakan program anjuran Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia atau lebih dikenali sebagai *Tourism Malaysia* di Taipei. Program ini adalah bersempena *MyFest 2015* atau *Malaysia Year Of Festival 2015*. Guru pengiring serta jurulatih yang terlibat ialah Encik Shah Rizal Bin Mohd Akip, Encik Mohamad Eddy Hafifi Bin Chuai dan Encik Muhamad Sufian Bin Awaluddin.




Rahmat Hj Damiri  
JKKN Johor.





# Sinbad

## Bangsawan



Pementasan Bangsawan 'Sinbad Dendam Ratu Kala' hasil karya dan arahan Rosnan Nordin pada 7 hingga 9 November 2014 bertempat di Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur merupakan pementasan terakhir bagi Siri Semarak Bangsawan 2014.

Pementasan yang berlangsung selama tiga (3) hari, merupakan kesinambungan daripada pementasan bangsawan 'Sinbad Batu Permata Dewa' yang telah dipentaskan pada tahun 2009.

Justeru, pengembaraan Sinbad diteruskan dalam Bangsawan Sinbad 'Dendam Ratu Kala'. Rentetan daripada kematian anak Ratu Kala, dendam Ratu Kala terhadap Sinbad yang telah membunuh anaknya iaitu Ratu Sheeba semakin membuak-buak sehingga memaksa Ratu Kala untuk melakukan penculikan terhadap Permaisuri Jasmin. Disinilah bermulanya pengembaraan Sinbad bersama Abdul, dayang-dayang dan kelasi kapal dalam misi menyelamatkan permaisuri hatinya, dengan dibantu oleh Tiga Syaitan Ratu Sheeba sebagai pemandu arah bagi mereka merentasi laut dan darat menuju ke Kerajaan Ratu Kala di Alam Hitam.

Pementasan di bawah Grand Opera, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) ini berjaya menampilkan dan menetengahkan bakat-bakat baru yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan JKKN. Apa yang menariknya, nyanyian, lakonan, tarian dan persembahan *extra turn* adalah digarap sepenuhnya oleh pegawai dan kakitangan terlibat.

Persembahan turut disuntik dengan elemen moden melalui penggunaan Skrin LED dan visual grafik yang diaplikasikan bagi menggantikan tirai dan *side wing*. Suntikan elemen moden ini, merupakan satu kelainan dan pembaharuan yang cuba dibawa oleh Rosnan Nordin selaku Pengarah dan dalam masa yang sama masih lagi mengekalkan struktur asal pementasan sesebuah teater Bangsawan.



Pementasan Bangsawan Sinbad secara tidak langsung menjadi *platform* kepada pegawai dan kakitangan JKKN menonjolkan bakat dan keupayaan sebagai pelakon, penyanyi, penari serta tenaga produksi.

Melalui analisis penjualan tiket, Teater Bangsawan ini telah berjaya menarik sejumlah 1605 orang penonton untuk hadir menyaksikan pementasan yang berlangsung selama tiga hari tersebut. Maklum balas membuktikan bahawa persembahan 'Bangsawan Sinbad Dendam Ratu Kala' berjaya mewujudkan rasa kekaguman dan rata-rata penonton yang hadir amat berpuas hati menonton pementasan ini. Moga bertemu lagi dalam Siri Semarak Bangsawan 2015.




**Muhammad Hasnimizan Ishak**  
Bahagian Pengembangan Seni,  
JKKN





# JKKN

JABATAN KEBUDAYAAN & KESENIAN NEGARA  
جائتھن كھوڊاڀاڻ دان كسنيان نڪارا






Bintang Asli Remaja Kebangsaan menetengahkan bakat-bakat cemerlang dalam nyanyian lagu Melayu Asli dari Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Terengganu, Kuala Lumpur, Sabah, Sarawak, Pahang dan Wilayah Persekutuan Putrajaya. Seramai 126 peserta telah disaring dan hanya 12 orang terpilih ke Pertandingan Akhir Bintang Asli Remaja Kebangsaan 2014 yang telah disiarkan secara langsung melalui saluran TV2 pada 18 Oktober 2014 (Sabtu) jam 8.30 malam. Program ini mendapat kerjasama padu dari Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM), Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia yang merupakan rakan kerjasama dalam memastikan perkembangan lagu-lagu Melayu Asli adalah berterusan.

### Objektif program

- Memulihara, mengembangkan dan mempopularkan lagu-lagu Melayu Asli di kalangan remaja negara.
- Meningkatkan aspirasi dan minat masyarakat terhadap lagu-lagu Melayu Asli yang penuh dengan tatasusila yang tersendiri.
- Mewujudkan satu pertandingan yang sihat di samping menitikberatkan penghayatan lagu-lagu Melayu Asli.
- Membendung penularan muzik luar yang menggugat dan menyimpang dari landasan Kebudayaan Kebangsaan.

Kehadiran khalayak seramai 950 orang adalah di luar jangkaan. Tetamu khas pada malam itu adalah YBhg Datuk Abdul Ghafar A Tambi,



Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, dan YBhg Dato' Abu Bakar Rahim, Ketua Pengarah Jabatan Penyiaran Malaysia berserta YBhg Datuk Norliza Rofli, Ketua Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. Artis jemputan dalam program itu adalah seperti Syura, Misha Omar dan YBhg Dato' M. Daud Kilau.

Pemilihan pemenang adalah berdasarkan penilaian dan keputusan juri yang terdiri daripada :

- i. YBhg. Datuk Ramli M.S
- ii. Puan Siti Hajar Ismail
- iii. Puan Raftah Bachik
- iv. Encik Jimmy Ali
- v. Encik Hazwan Haziq Rosebi

Program diacarakan oleh Azrul Zaidi dan Norkhiriah. Pemenang peserta akhir Bintang Asli Remaja Kebangsaan 2014 adalah menjadi milik peserta berikut :

**Johan Lelaki:**

Fitri Hiswady Bin Hasan Nordin

**Naib Johan Lelaki:**

Mohd Nurhakim Bin Md Yaman

**Tempat Ketiga:**

Fazli Bin Awang

**Johan Wanita:**

Nurul Syafiqah Binti Mohd Khambali

**Naib Johan Wanita:**

Syaimaa Binti Salleh

**Tempat Ketiga:**

Noorhanida Binti Saman



**Fairuz Selamat**

Bahagian Pengembangan Seni, JKKN



# 'CLASSIQUE' MENGHIBURKAN

## Koir Kebangsaan Malaysia

Tampil dengan konsep dan tema yang berbeza setiap tahun, persembahan Koir Kebangsaan Malaysia sentiasa mencuri perhatian dan dinantikan. Tanggal 20 & 21 September 2014, menyaksikan Konsert 'Classique' yang telah diadakan di Auditorium DBKL. Konsert anjuran Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) ini merupakan satu lagi kejayaan dalam perjuangan pembangunan dan pengembangan seni budaya, dan merupakan cabaran kepada generasi muda memperjuangkan lagu-lagu tradisional khususnya, dan juga kemampuan dalam mempersembahkan lagu-lagu berbentuk klasikal dalam pelbagai bahasa.

'Classique' memaparkan *repertoire* dan segmen nyanyian lagu – lagu berlandaskan Klasik Melayu seperti lagu – lagu Asli Melayu, Inang, Joget, Keroncong dan Zapin. Manakala Klasik Barat terdiri daripada lagu – lagu dari era *Renaissance* hingga ke era Romantik. Menariknya konsert ini, Koir Kebangsaan Malaysia diuji dengan disiplin nyanyian yang lebih mencabar dan teknikal serta terarah kepada tumpuan penggunaan vokal seperti nada suara, keseimbangan dinamik, seterusnya menguji kemampuan kumpulan ini dalam menghasilkan persembahan yang berkualiti.



Program ini merupakan *platform* bagi bakat-bakat muda dalam bidang seni suara profesional untuk mengembangkan sayap mereka ke peringkat yang lebih global dan selaras dengan perkembangan arus muzik semasa tanpa meminggirkan keaslian kumpulan koir itu sendiri. Konsert ini memuatkan 22 buah lagu dan merupakan satu lagi usaha JKKN dalam menyemarakkan industri seni suara tanah air.



Antara lagu bagi segmen Klasik Melayu ialah Puteri Ledang, Dia Datang, Medley Jalak Lenteng & Joget Hitam Manis, Sayang Di Sayang, Bentan Telani, Medley Masri Manis & Inang Tua, Ketawalah Lagi, Zapin Malam Pengantin, Joget Secawan Kopi, dan Joget Lambak. Manakala Klasik Barat pula menghimpunkan lagu – lagu seperti *Funiculi, Funicula, Weep You No More, Sad Fountains, Il Est Bel Et Bon, Les Filles De Cadix, Brautgesang, Susanna Or Via Sortite, Dall' oriente L'astro Del Giorno, Matona Mia Cara, Shivering Chorus dan Neighbour's Chorus Funiculi, Funicula, Les Filles De Cadix, Susanna Or Via Sortite, Les Filles De Cadix, Neighbour's Chorus.*

Konsert kali ini juga menyaksikan penampilan ahli koir secara solo, trio, kuartet dan juga kumpulan koir yang besar. Busana kumpulan ini juga menarik dan lari daripada kebiasaan iaitu secara beragam apabila kostum yang diperagakan bersesuaian dengan segmen.

Pada tahun 2014, Koir Kebangsaan Malaysia turut diberi penghargaan dan diundang untuk membuat persembahan sempena Majlis Jamuan Negara Meraikan Tuan Yang Terutama Barack Obama Presiden Amerika Syarikat pada 26 April 2014 di Istana Negara. Kumpulan ini turut diundang untuk membuat persembahan sempena dengan Pertandingan Akhir Planet Joget anjuran JKKM dan RTM pada 16 Februari 2014 di Auditorium Perdana Angkasapuri. Adalah menjadi harapan agar kumpulan ini terus bertapak dan meraih kejayaan di dalam dan luar negara.



Doria Victoria  
Bahagian Pengembangan  
Seni, JKKM



# Festival Teater Malaysia

## 2014

Festival

Teater Malaysia 2014

(FTM 14) anjuran Jabatan

Kebudayaan dan Kesenian Negara bertujuan menyemarak dan mengembangkan seni teater di Negara ini. Selain itu, FTM merupakan titik penting dalam pembangunan dan pengembangan kumpulan-kumpulan teater di seluruh negara. Melalui festival ini generasi muda berpeluang meluahkan kreativiti dan bakat seni untuk diterjemahkan dipentas. FTM14 turut menjadi tempat mengasah bakat dan kreativiti dan menjadi *platform* penting untuk kumpulan-kumpulan teater dari seluruh negara bertemu, berkongsi ilmu, bertukar pengalaman dan berinteraksi.

Bermula pada 26 Oktober 2014 sehingga 1 November 2014 di Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, festival ini telah berjaya menghimpunkan enam (6) kumpulan yang dipilih melalui Manifestasi Teater Peringkat Negeri. Persaingan sengit ini menampilkan Kelab Teater Rimba, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor dengan naskhah komedi 'Alahai Menantu!' karya Razali Taib dan arahan Nuex Rosli (26 Oktober 2014), Persatuan Penggerak Seni Budaya Kuala Lumpur dengan naskhah 'Penjuru Empat Karma' karya dan arahan Mohamad Firdaus Kamaruddin (27 Oktober 2014), Kumpulan Teater Remaja Harapan Kedah dengan 'Transit Warga Tanah' karya Abu Afif arahan Abu Hurairah Roslan (28 Oktober 2014), Grup Teater LAB, Universiti Malaysia Sabah dengan 'Vito Il Mafioso' adaptasi karya Khairul Amin arahan Tasia Arlina Ismail (29 Oktober 2014), Persatuan Seni Persembahan Sifar Sarawak dengan naskhah 'Penggali Intan' karya Kidjomulyo terjemahan Anuar Mohd Zulkifli arahan oleh Abdillah Untong (30 Oktober 2014) dan Anak Seni Pendidikan Kelantan dengan naskhah 'Iyakah Tok Janggut' karya dan arahan Zack Zaideen (31 Oktober 2014).

Majlis penyampaian hadiah Festival Teater Malaysia 2014 telah berlangsung pada 1 November 2014 dengan menobatkan Persatuan Seni Persembahan Sifar Sarawak sebagai juara keseluruhan. Pernah meraih kejayaan yang sama pada tahun 2008 dengan naskhah 'Tukang Ensera'

k a r y a

Awangku Merali

Pangeran Mohamed, Persatuan

Seni Persembahan Sifar juga turut


menyempadankan anugerah Pengarah Terbaik (Abdillah Untong), Pelakon Lelaki Terbaik (Malek Hassan) dan Pelakon Pembantu Wanita Terbaik (Haslina Hasbi). Juara FTM14 membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM10,000.00. Pengarah Terbaik dan Pelakon Lelaki Terbaik, masing-masing membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM2,000.00, manakala Pelakon Pembantu Wanita Terbaik pula, membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM1,500.00. Kesemua pemenang turut menerima sijil dan piala iringan.

Tempat kedua FTM 14 disandang oleh Grup Teater LAB, UMS dengan naskah 'Vito Il Mafioso' yang membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM8,000.00, piala iringan dan sijil. Selain itu, 'Vito Il Mafioso' turut meraih anugerah Sinografi Terbaik dan Pelakon Harapan Lelaki melalui Syafik Roslan yang membawakan watak Joe Black.

Tempat ketiga FTM14 dengan hadiah wang tunai sebanyak RM6,000.00, piala iringan dan sijil pula dimenangi oleh Kelab Teater Rimba, UKM Selangor dengan naskhah 'Alahai Menantu!' karya Razali Taib arahan Nuex Rosli. Selain memenangi tempat ketiga, 'Alahai Menantu!' turut menyempadankan beberapa anugerah lain seperti Pelakon Wanita Terbaik (Yuhana Mohd Yusof), Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik (Muhamad Nur Yusof Rosli) dan Pelakon Harapan Wanita (Shakirah Fikri Abazah).

Kumpulan Teater Remaja Harapan dengan naskah 'Transit Warga Tanah' telah dipilih sebagai penerima Anugerah Khas Juri.

Selain daripada penyampaian hadiah kategori teater moden, FTM 2014 juga turut melibatkan kategori monodrama yang dipertandingkan di peringkat Manifestasi Teater Negeri. Bagi kategori



monodrama, Johan keseluruhan telah disandang oleh Persatuan Bangsawan Warisan Moraza Perak dengan naskah 'Afidavit Bahagia' karya Siti Fatimah Abdul Manaf, arahan Masni Abdul Rahman. 'Afidavit Bahagia' turut menggondol anugerah bagi kategori Pengarah Terbaik dan Pelakon Terbaik. Manakala tempat Kedua dimenangi oleh Pusat Pengajian Seni, Universiti Sains Malaysia dengan naskah 'Nisya Khalid' karya dan arahan Seni Bayan. Tempat Ketiga dan Teknik Terbaik disandang oleh Kelab Teater Kilat, Tenaga Nasional Berhad dengan naskah 'Iyakah Fatimah' karya Moh Azam Rezali, arahan Nazri Ahmad.

Anugerah Khas Festival Teater Malaysia 2014 telah dianugerahkan kepada Tuan Haji Sufiat b. Mukri dan Tuan Haji Matari b. Haji Rahman yang telah memberi sumbangan besar dalam pembangunan seni teater di negara ini.

Hadiah dan Penyampaian Anugerah Khas FTM14 telah disampaikan oleh YBhg. Datuk Norliza Rofli, Ketua Pengarah JKKN. Hadir sama adalah Prof. Datin Noor Aziah Mohd Awal, Timb. Naib Canselor (HEPA) UKM dan Encik Rosli Osman, Pengarah Kanan Sektor Kebudayaan dan Kesenian, JKKN.

Penyampaian anugerah kepada pemenang turut dimeriahkan oleh pelakon teater dan drama televisyen, YBhg. Dato' Jalaluddin Hassan, YM Raja Azrey Raja Kamaruzzaman, Arja Lee, Soosan Hoh, Kamarul AR, Hairi Safwan, Nas Adila, Dr. Rosdeen Suboh dan Datin Zuhaila Siregar.

#### Juri

Professional bagi FTM

2014 terdiri daripada YBr. Encik

Mior Hashim Manap (Ketua Juri), YBr. Christopher Ling dan YBr. Encik Rosnan Nordin.

#### FTM 2014 turut diisi dengan aktiviti seperti berikut :

- i. Bengkel teater yang dikendalikan oleh Encik Zaifri Husin, Encik Hamzah Tahir, Encik Rosnan Rahman, Dr. Rosdeen Suboh, Cik Rosminah Tahir, Cik June Tan, Puan Roselina Khir Johari dan Puan Akma Suriati Awang yang berpengalaman luas dalam bidang teater.
- ii. Mini Pesta Buku di lobi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
- iii. Persembahan Selingan seperti persembahan muzik oleh Kumpulan Kesenian Muzik JKKN, bacaan puisi oleh para pemuisi seperti Salman Al Farisi, Fairul Pujangga, Amran Ibrahim Rashidi, Lutfi Ishak dan *fragment* teater "Tanah" karya dan arahan Kamarul AR oleh Majlis Teater Selangor.



Shahrizal Abdan  
Bahagian Pengembangan  
Seni, JKKN

# Festival Tari Melayu

## PERINGKAT NEGERI JOHOR

Sedang melayang pandangan mata,  
Terpaut pandang pada juwita,  
Menggetar sukma berdebar cinta,  
Terbayang-bayang di ruang mata.

Dari mana datangnya lintah,  
Dari atap turun ke padi,  
Darimana datangnya cinta,  
Dari mata turun ke hati.

Begitulah antara bait-bait sinopsis persembahan sempena pertandingan Festival Tari ini.

Semahsyur nama Johor, sehebat itulah juga penganjuran Festival Tari Malaysia Peringkat Negeri Johor Tahun 2014 yang telah berlangsung pada 20 September 2014, bertempat di Atrium Pusat Bandar Kompleks Pasir Gudang, Johor. Program ini adalah dengan kerjasama Majlis Perbandaran Pasir Gudang dan Damansara Asset Sdn. Bhd.



Sebanyak 14 kumpulan tarian dari seluruh Negeri Johor telah menyertai festival ini yang dibahagikan kepada 2 kategori, iaitu kategori Tarian Tradisional dan Tarian "Street Dance".

- Juara : wang tunai berjumlah RM1,000.00
- Naib : Juara wang tunai berjumlah RM 600.00
- Tempat ke-3 : wang tunai berjumlah RM 400.00

Setiap pemenang juga turut membawa pulang trofi dan Sijil Penyerahan.



Kategori Tarian Tradisional dijuarai oleh Kumpulan Gemersik Tari, Johor Bahru yang membawa Tarian Inang, tempat ke-2 disandang oleh Kumpulan Majlis Kebudayaan Daerah Batu Pahat dengan persembahan tarian Joget Serampang Dua Belas. Manakala Tempat Ke-3 telah dirangkul oleh Kumpulan Studio Seniman *Black Box*, Johor Bahru dengan tarian Borneo iaitu 'Kuda Pasu'.

Manakala bagi kategori pertandingan Tarian "Street Dance", gelaran Johan dimiliki oleh Return Crew Johor Bahru yang membawakan persembahan bertemakan Hidup Tanpa Sinopsis. Bagi tempat Ke-2 disandang oleh Kumpulan Hujung Tanah Group dari Politeknik Ibrahim Sultan. Dan Tempat ke-3 dibawa pulang oleh 3 gadis berbangsa Cina yang menggelarkan kumpulan mereka 'Seekers Dance Group' dari Yong Peng, Johor.

Kumpulan Majlis Kebudayaan Daerah Batu Pahat juga mendapat pengiktirafan Busana Terbaik manakala Kumpulan *Return Crew* Johor Bahru dinobatkan sebagai Koreografi Terbaik sempena Festival Tari ini.

Sesi penyampaian hadiah disempurnakan oleh YBr. Encik Abdul Hamid Bin Hj. Muhamad, Pengarah JKKN Johor. Program ini turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Zulkurnain Bin Haji Kamisan, Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Kebudayaan dan Warisan Negeri Johor bersama isteri.



Rahmat Bin Hj Damiri  
JKKN Johor



# Festival Tari Melayu

## PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG

Festival Tari Malaysia, Peringkat Negeri Pulau Pinang 2014 telah dilaksanakan pada 11 Oktober 2014, bertempat di *Penang Times Square*, Pulau Pinang. Festival ini dihadiri oleh Encik Mohd Rizal bin Ismail iaitu Pengarah JKKN, Pulau Pinang serta wakil daripada Pejabat Kementerian Pelancongan Negeri Pulau Pinang, Puan Noraini binti Mohd Tahir. Festival adalah berkonsepkan pertandingan secara berkumpulan bagi mencungkil bakat tempatan dalam bidang seni tari. Pertandingan ini terdiri daripada dua kategori iaitu Kategori Tradisional dan juga *Street Dance*. Kumpulan yang memenangi pertandingan di peringkat negeri akan mewakili negeri untuk Festival Tari Malaysia 2015.

Sebanyak sebelas kumpulan yang bertanding bagi kategori tradisional dan sepuluh kumpulan bagi kategori *Street Dance*. Peserta adalah terdiri daripada golongan belia yang berumur antara 16 sehingga 35 tahun. Juri pertandingan tersebut terdiri daripada aktivis tari tempatan dan juga pegawai Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Pulau Pinang. Pertandingan dinilai oleh aktivis tari iaitu Encik Yusof Halmi bin Mohamad dan juga Encik Mohd Rizal bin Mohd Hamdan, Timbalan Pengarah JKKN Pulau Pinang selaku juri kategori tradisional manakala kategori *Street Dance* dinilai oleh Aktivis Tari bebas Pulau Pinang iaitu Encik Dinamik dan Encik Zamzely Shah bin Zakaria, Artis Budaya JKKN Pulau Pinang.

Festival ini mendapat sambutan yang cukup menggalakkan daripada pengunjung-pengunjung *Penang Times Square* dan tidak ketinggalan juga kehadiran beberapa pelancong luar. Kumpulan-kumpulan yang bertanding memberikan persembahan-persembahan yang terbaik dan cemerlang. Kumpulan Tunas Budaya Tari Cemerlang JKKN menunjukkan bakat hebat mereka di pentas sebagai acara selingan. Artis tempatan Noor Syaiffana Subri turut dijemput bagi memeriahkan acara.

Hadiah pertandingan adalah seperti berikut :

- Johan : wang tunai berjumlah RM1000.00
- Naib Johan : wang tunai berjumlah RM 700.00
- Ketiga : wang tunai berjumlah RM500.00

Setiap pemenang turut menerima sijil penyertaan dan piala pusingan yang disampaikan oleh Encik Mohd Rizal bin Ismail.

Bagi Kategori Tradisional, Tempat Ketiga dimenangi oleh Kumpulan Adikarma Zafana manakala Naib Johan dimenangi oleh Kumpulan Persada Johan telah disandang oleh Kumpulan Adikarma Ngalay dengan Tarian Daling-Daling. Kumpulan *Stiger Crew* telah memenangi tempat ketiga manakala Kumpulan *Last Minute Production* mendapat tempat kedua dan Kumpulan DBW menyandang Johan bagi kategori *Street Dance* pada hari tersebut.



**Saidatul Aina Jamaluddin**  
JKKN Pulau Pinang.



# Festival Kanak-Kanak Johor



7 November 2014  
Kompleks Tan Sri Muhaamed  
Rahmat , Johor Bahru

## Ekspresi Muzik Johor



18 Oktober 2014  
Pentas Terbuka Galleria.  
Kotaraya , Johor Bahru






## BICARA TOKOH NEGERI SEMBILAN

# “SENI MENURUT PERSPEKTIF ISLAM”

**P**rogram Bicara Tokoh 2014 merupakan program yang berbentuk wacana ilmu atau perkongsian ilmu yang membicarakan secara terperinci mengenai sesuatu topik mengikut sudut pandangan tokoh - tokoh yang terpilih. ‘*Seni Menurut Perspektif Islam*’ adalah topik yang dipilih bagi tahun 2014.

Topik ini amat menarik minat dan perhatian khususnya di kalangan penggiat seni dalam memartabatkan dan mengangkat nilai estetika seni berlandaskan syariah Islam serta mematuhi batas-batas agama Islam.



Objektif program ini adalah untuk memberi penghargaan kepada tokoh yang terpilih mengadakan sesi perkongsian ilmu serta memberi peluang kepada orang ramai mendekati dan beramah mesra serta berkongsi pengalaman dan ilmu dengan tokoh terpilih.

Pemilihan tokoh-tokoh ini adalah berdasarkan kepada kepakaran, ketokohan dan kewibawaan mereka dalam bidang agama. Jabatan ingin melihat sejauh mana seni ini boleh diinterpretasikan oleh para ilmuwan dan tokoh Islam menurut pandangan masing-masing. Topik tersebut telah dikupas dengan menarik oleh Ustaz Amin Idris dari TV Al-Hijrah selaku moderator dan Ustaz Kazem Ellias serta Ustazah Hajah Norhafizah binti Haji Musa dari UTM Kuala Lumpur selaku ahli panel.

Program berlangsung selama 3 jam bermula jam 9.30 pagi sehingga jam 12.30 tengah hari. Program ini telah mendapat sambutan yang luar biasa dan memberangsangkan daripada para peserta. Dianggarkan seramai 600 orang telah hadir. Para peserta terdiri daripada Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan, pegawai dan kakitangan Jabatan Negeri dan Persekutuan, para pelajar institut pengajian tinggi awam & swasta, pelajar sekolah serta para badan bukan kerajaan Seni Budaya, badan bukan kerajaan Islam dan juga Ahli Jawatankuasa Masjid.

Kesimpulannya, program ini berjaya membuka minda dan mata masyarakat bahawa seni ini amat universal dan indah. Seni adalah khazanah warisan budaya yang harus dipelihara dan dipelihara. Penerapan nilai-nilai keislaman dalam seni adalah amat dititikberatkan supaya seni yang diangkat adalah mengikut landasan syariah dan tidak bertentangan dengan hukum-hukum Islam.



**Nik Mohd Fadly Bin Nik Mat**  
JKKN Negeri Sembilan.



# 'APRESIASI SENI MERENTASI BUDAYA'

DI KOMPLEKS JABATAN KEBUDAYAAN DAN  
KESENIAN NEGARA NEGERI SEMBILAN



Program Pusat Seni Setempat pada kali ini memilih tema 'Apresiasi Seni Merentasi Budaya' bersempena Lawatan Budaya Badan Bukan Kerajaan (BBK) dari Negeri Perak iaitu Persatuan Penggiat Seni Kuala Kangsar (PESINAR), pada 13 - 14 September dan BBK dari Negeri Johor iaitu BUDAYAWAN, pada 17 - 18 September yang lalu. Program yang diadakan secara kerjasama dengan Lembaga Muzium Negeri Sembilan dan Tourism Malaysia Negeri Sembilan menampilkan pengisian yang berbeza berbanding sebelum ini di mana ia lebih menjurus kepada program pertukaran budaya, serta diisi dengan Lawatan Seni Budaya dan Pelancongan.

Objektif program ini adalah untuk menjalinkan hubungan budaya antara negeri-negeri mendalami seni dan budaya negeri-negeri lain melalui pertukaran budaya serta mengeratkan silaturrahim antara Jabatan dan NGO Seni Budaya.

Pengisian utama program ini adalah 'Malam Apresiasi Seni Merentasi Budaya' yang menampilkan persembahan kesenian khas merangkumi persembahan tarian dan muzik dari BBK Johor dan BBK Perak. BBK Perak telah mempersembahkan gendang silat, nyanyian lagu Asli Perak dan Nazam. Manakala BBK Johor menampilkan persembahan tarian Kuda Kepang, Zapin, Ceracak Inai dan Tarian Arab. Negeri Sembilan selaku tuan rumah pula mempersembahkan gabungan tarian, muzik dan lagu negeri seperti Tarian Piring, Randai dan

nyanyian lagu-lagu Bongai. Program yang berlangsung mulai jam 8.30 malam sehingga 10.30 malam ini mendapat sambutan yang menggalakkan dengan kehadiran seramai 400 orang pengunjung.

Pengisian seterusnya adalah Bengkel Tarian Piring dan lawatan ke premis pelancongan di sekitar Negeri Sembilan dengan kerjasama daripada pihak Tourism Malaysia Negeri Sembilan serta Jabatan dan Agensi berkaitan. Antara premis pelancongan yang dilawati adalah Muzium Diraja Seri Menanti, Muzium Negeri, Nilai 3, Ladang Alam Warisan, Muzium Adat Jelebu, Muzium Tentera Port Dickson, Pantai Teluk Kemang dan Balai Cerap Port Dickson.

Secara keseluruhannya, program ini telah mencapai matlamat dalam menjalinkan hubungan kerjasama dan budaya di samping mengeratkan silaturrahim dengan BBK Seni Budaya negeri-negeri lain. Melalui program silang budaya seumpama ini terjalinlah ikatan antara dua negeri dan diharapkan akan berterusan pada masa-masa akan datang.



**Norazlina Othman**  
JKKN Negeri Sembilan

## NEGERI CANTIK BUDAYA MENARIK (Sempena Sambutan Tahun Festival 2015)

Nasi lemak adunan bonda  
Makan dengan kerisi merah;  
kami tabik sekalian ada  
dengan pantun kami sembah.

Terlihat bintang di langit biru  
berseri molek warnanya cantik;  
Selamat datang ke Terengganu  
Negeri cantik budaya menarik.

Burung punggung terbang ke sawah  
Mari hingat batang meranti;  
Perangai buruk dibuang jauh  
Budi baik dijunjung tinggi.

Mari naik perahu mudik  
Beli langsung di dalam guni;  
Budi baik kelaku elok  
Kami semat di dalam hati.

**Azaha Hj. Othman**  
JKKN Terengganu

## TERFANA

Kadang kadang terasa lelah aku melihat  
Persekitaran yang memualkan dan meloyakan  
Jelik tiada keadilan  
Tiada rasa  
Tiada perikemanusiaan  
Tiada pertimbangan  
Tiada nilai  
Tiada pegangan  
Tiada sayang  
Hilang akal  
Hilang agama  
Hilang segalanya

Terasa ingin lari  
Mencari dunia lain  
Yang lebih damai  
Lebih aman  
Lebih sentosa  
Kaya akal dan budi  
Kaya rasa dan jiwa  
Kaya nilai dan mengerti  
Kaya kasih melimpah ruah  
Kaya prihatin dan simpati

Terperosok di lohong ini  
Aku terbakar dalam sejuk salji tanpa sedar

**Fatil Zalis**  
JKKN Pulau Pinang

## AINUL MARDHIAHKU.

Auratnya dijaga,  
Maruahnya dipelihara,  
Bukanlah kerana manusia,  
Tapi Yang Maha Kuasa.

Harga dirinya bak permata,  
Santunnya selembut sutera,  
Memandangnya buat kali pertama,  
Matlamatku kini, ingin memilikinya.

Namun, bukan diriku pemiliknya,  
Bukan aku tuannya,  
Ku ingin miliknya?  
Ku pohon pada Yang Kuasa.

Kelibatnyakan ku tunggu,  
Ketidaannya airmataku,  
Dia solehah bagiku,  
Dia solehah bagi Tuhanku.  
Walau kumiliki ramai di masa lalu,  
Namun, semuanya tidak bermutu,  
Dia kebanggaanaku,  
Dia aset akhiratku.

Dia temanku,  
Dia kawanku,  
Dia sahabatku,  
Dialah, Ainul Mardhiahku.

**Mohamad Nazri Bin Abu Bakar.**  
JKKN Pulau Pinang

## PUISI : WARISI BUDAYA TERENGGANU BESTARI

(Johan Pertandingan Mencipta Lagu Rasmi  
Kebudayaan Terengganu Darul Iman 2005)

Indahnya songket kain sulaman  
Seni berzaman tenunan orang;  
Utara Besut Selatan Kemaman  
Keropok lekor nasi dagang.

Adik melipat sutera jingga  
Barangan disanjung seluruh dunia;  
Batek, songket, sutera, tembaga  
Kenangan pelancong tak boleh lupa.

Hiasan Seroja menyambut tuan  
Dipakai dikenang teruna pujaan;  
Ulek Mayang, Rodat, Saba', Gamelan  
Tradisi tersayang dilupa jangan.

Tari dan gendang bertingkah menyambut  
Hias kebaya menyusun tari;  
Seni warisan langkah bertaut  
Warisi Budaya Terengganu Bestari.

**Azaha Hj. Othman**  
JKKN Terengganu



# CAPAM

*Commonwealth Association For Public Administration and Management.*


Persidangan Dwi-Tahunan *Commonwealth Association For Public Administration and Management (CAPAM)* pada 19 hingga 21 Oktober 2014 di tiga lokasi utama iaitu Hotel Equatorial-Melaka, Taman Warisan Pertanian-Putrajaya dan Ruang Legar Putrajaya *International Convention Centre-Putrajaya*.

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) diberi amanah dan tanggungjawab untuk acara persembahan seni budaya berkonsepkan 'Colour Of Melaka' yang menampilkan ikon-ikon seni budaya Melaka seperti kaum Melayu, Cina dan India serta etnik Baba Nyonya, Chetti dan Portugis pada Majlis Makan Malam (*Welcoming Dinner*) bagi para delegasi di Hotel Equatorial, Melaka pada 19 Oktober 2014. Persembahan ini menonjolkan keharmonian masyarakat pelbagai kaum di Malaysia. Antara kesenian yang dipersembahkan adalah Muzik Dondang Sayang, Pergendangan 1Malaysia, nyanyian dan persembahan tarian oleh Kumpulan Kesenian Jabatan Melaka dan Briged Seni.



JKKN juga mempersembahkan persembahan kesenian dan interaktif di Taman Warisan Pertanian, Putrajaya pada 20 Oktober 2014. Konsep persembahan adalah berbentuk santai merangkumi tarian rakyat dan pengisian interaktif yang disertai oleh para delegasi. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah tarian Zapin, Sapu Tangan, Topeng Mahmeri, Anggalang Magunatip, Kanjet Ngeleput dan muzik Sape. Manakala aktiviti interaktif yang dilaksanakan ialah permainan Congkak, Sepak Raga Bulatan, Batu Seremban dan Sumpit.

Acara persembahan kesenian dilaksanakan pada hari ketiga di Dewan Perdana PICC, Putrajaya dengan konsep persembahan warna warni dan kemeriahan menyambut Ulang Tahun Ke-20 CAPAM. Tetamu Kehormat yang hadir ialah YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara, dan YBhg. Encik Kamalesh Sharma, Setiausaha Agung Komanwel.




**Wan Din Wan Muhamad**  
Bahagian Pembangunan  
Produksi & Artistik, JKKN



# CORETAN BAHAN SENI BUDAYA


*Julung kali dicoretkan tentang Bahan Seni Budaya terbaru koleksi Perpustakaan JKKN. Pada kali ini tiga buku dipilih untuk diberi kupasan secara umum.*



## **Stage Design 'A Practical Guide' : Gary Thorne**

Buku ini adalah membincangkan tentang pembinaan set dan pentas bagi sesebuah pementasan teater moden merangkumi pemilihan bahan, pembentukan reka bentuk, penggunaan warna, ruang pentas dan jenis pentas serta menganalisis skrip. Idea dua dimensi yang dipersembahkan dalam teater dikupas secara panjang lebar dari segi keperluan bahan dan susunan langkah-langkah pengurusan idea bermula daripada idea pertama sehingga siap reka bentuk.

Penulis juga menerangkan secara terperinci tentang pembinaan model, jalan cerita dan pengurusan mesyuarat kreatif. Buku ini memberi penegasan bahawa pentingnya pembinaan mini model bagi mendapat gambaran yang lebih jelas dalam setiap pembinaan set dan pentas.




## **Creative Arts Marketing (Second Edition): Liz Hill, Catherine o' Sullivan & Terry o' Sullivan.**

Apabila dibaca dan difahami terdapat beberapa perbezaan dengan edisi sebelum ini. Edisi sulung banyak membicarakan tentang kaedah pemasaran seni kreatif secara kasar dan tidak menyentuh faktor mikro pemasaran. Oleh itu, terbitan kedua banyak membicarakan tentang mikro pemasaran seni kreatif seperti kehendak dan permintaan penonton

dan kajian khalayak yang lebih tertumpu kepada seni kreatif. Kajian pasaran yang relevan dengan situasi semasa sentiasa dititikberatkan bagi menentukan keberkesanan produk seni kreatif dalam pasaran.

Selain itu, penulis juga menegaskan tentang penjana pendapatan melalui pemasaran seni kreatif, kaedah promosi yang berkesan, kaedah pemasaran dan pengurusan fungsi pasaran yang lebih efektif bagi setiap produk seni kreatif.



## **Teater Filem dan Pengurusan Seni : Hatta Azad Khan.**

Buku ini membincangkan dua topik utama iaitu teater & filem serta pengurusan seni. Dalam tajuk Teater & Filem penulis mengupas mengenai pengalaman beliau daripada penghasilan skrip drama dan filem serta teater sehinggalah aspek sinografi, lakonan, pengarahan dan proses kreatif dalam setiap drama, filem dan teater tanah air.

Buku ini menghimpunkan pemikiran, pengalaman dan pengetahuan penulis yang meliputi aspek kreatif dan pengurusan dalam teater, filem, muzik dan penulisan.

Topik kedua memberi perhatian pada Pengurusan Seni. Kaedah pemasaran karya-karya dan isu-isu strategik dalam budaya pengurusan seni pentas juga dititikberatkan dengan memberi contoh Istana Budaya sebagai hub kepada kecemerlangan kesenian di Kuala Lumpur.

*Buku-buku ini sewajarnya menjadi keperluan bukan sahaja bagi pelajar jurusan seni kreatif tetapi juga para pentadbir, pengurus dan pengamal industri kreatif dan artistik tanah air. Semua buku ini boleh didapati di Perpustakaan JKKN!!!*



**Haqam Hariri  
Siti Anisah Abdul Rahman  
Fauziah Ahmad**  
Bahagian Dokumentasi  
dan Penerbitan, JKKN

# REPRESENTASI SENI BUDAYA MELALUI FILEM DOKUMENTARI

Selari dengan perkembangan medium penerbitan tanah air, pelbagai saluran rancangan televisyen muncul silih berganti yang merupakan inisiatif daripada pelbagai syarikat atau stesen televisyen. Namun, sehingga kini masih belum ada kewujudan saluran tempatan khas yang menayangkan rancangan berkonsepkan dokumentari.

Negara Malaysia juga semakin bertapak dan maju dalam melahirkan filem-filem berbentuk dokumentari yang mampu memberikan manfaat kepada masyarakat daripada pelbagai lapisan. Namun, pengeluar filem tempatan Malaysia menghadapi masalah dan kekangan dalam mewujudkan rangkaian saluran khas bagi menayangkan filem dokumentari rentetan penglibatan kos yang tinggi dan kekurangan sumber terbitan.

Justeru, Malaysia jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan negara-negara barat yang memiliki saluran siaran televisyen khas bagi filem dokumentari yang lebih memberikan pendedahan kepada masyarakatnya. Untuk berdiri selari dengan Negara-negara Barat, seharusnya kejayaan mereka menjadi pemangkin semangat kepada kita, dalam usaha memberikan kefahaman seni dan budaya kepada masyarakat, yang menjadikan seni budaya sebagai teras penting dalam membina keunggulan dan ketamadunan bangsa Malaysia.

Filem dokumentari merupakan *genre* yang luas skopnya dan yang sangat diminati oleh masyarakat terutamanya apabila penceritaan dokumentari tersebut digarap dengan baik selaras dengan sasaran penonton seluruh dunia. Arus kemodenan juga telah meninggalkan satu impak yang hebat dalam aspek pembikinan filem dokumentari yang sebelum ini hanya berteraskan kepada aspek lakonan nyata semata-mata. Namun kesan perkembangan dunia multimedia, filem dokumentari juga telah mengalami satu proses transformasi yang begitu ketara. "*Education Not Guaranteed: A Short Documentary Film on Education System*" berdurasi 10.38 saat di antara contoh yang memperjelaskan tentang filem dokumentari yang menerapkan elemen animasi digabungjalinkan dengan lakonan alam nyata yang cukup untuk memperjelaskan mesej dan isu yang ingin disampaikan. Isu-isu yang dikupas serta menjadi teras kepada pembiknannya adalah untuk memberikan satu kesedaran kepada masyarakat berkaitan Sistem Pendidikan Amerika Syarikat yang tidak menjanjikan masa hadapan kepada pelajar malah hanya mementingkan keuntungan semata-mata.

Masyarakat Barat khususnya amat meminati filem dokumentari yang berkisarkan kepada seni budaya Negara Malaysia. Pelbagai *genre* dan skop dokumentari dapat dihasilkan sebagai '*platform*' dalam menyampaikan mesej dan ilmu pengetahuan. Kajian dan penelitian yang mendalam bagi menghasilkan sebuah filem dokumentari Seni Budaya, yang direpresentasikan dengan garapan, kualiti serta mutu visual yang baik, mampu menarik minat masyarakat daripada pelbagai lapisan. Secara tidak langsung, elemen seni budaya dapat berkembang luas dalam kalangan masyarakat Malaysia dan mampu memberikan pemahaman yang terperinci terutamanya kepada generasi masa kini yang menjadi pemangkin negara.

Secara tidak langsung, inisiatif mendidik masyarakat dengan menjadikan filem dokumentari seni budaya khususnya, sebagai '*medium penyampai*' adalah satu bentuk nilai tambah kepada Negara. Contohnya, apabila terdapat satu kajian khusus berkaitan kepentingan elemen "Seni Budaya dalam Seni Bina" dapat dilaksana dan didokumentasikan bagi mewujudkan kesedaran di kalangan masyarakat tentang kepentingan kewujudan sebuah Kota atau Bandaraya yang menjadi cerminan budaya masyarakat Malaysia.

Justeru, dalam merealisasikan transformasi serta tahap relevannya seni budaya ke atas masyarakat Malaysia, pelbagai langkah dan inisiatif perlu diambil untuk mendekatkan seni budaya dengan masyarakat tempatan yang menggunakan filem dokumentari sebagai medium perantara dengan masyarakat dan meletakkan filem dokumentari sebagai satu *genre* yang mampu berdiri sendiri sebagai salah satu format penerbitan.

**Sumber : *The Subject Of Documentary*  
(Micheal Renov)**



**Muhammad Hasnimizan Ishak**  
Bahagian Pengembangan Seni,  
JKKN.



# TEKA SENI BUDAYA.

01

N I A B R E I   
 N T G N U A   
 N N G M A I   
 BERMAKSUD  
 ADAT

03

N A E N G D G   
 E I A N U S R   
 M A O N P K N   
 BERMAKSUD  
 ALAT MUZIK

02

U G R N S U   
 G S N I A U   
 A A D K N A Z   
 BERMAKSUD  
 SUKU KAUM

04

P R E A O   
 E O N A M R   
 A K O M G Y N   
 BERMAKSUD  
 TEATER TRADISIONAL

# JAWAPAN

**JAWAPAN 01**  
 N I A B R E I BERINAI  
 N T G N U A TUNANG  
 N N G M A I MINANG  
 ADAT

**JAWAPAN 02**  
 U G R N S U RUNGUS  
 G S N I A U SUNGAI  
 A A D K N A Z KADAZAN  
 SUKU KAUM

**JAWAPAN 03**  
 N A E N G D G GENDANG  
 E I A N U S R SERUNAI  
 M A O N P K N KOMPANG  
 ALAT MUZIK

**JAWAPAN 04**  
 P R E A O OPERA  
 E O N A M R MENORA  
 A K O M G Y N MAKYONG  
 TEATER TRADISIONAL



## MESYUARAT PENGARAH-PENGARAH JKKN

Mesyuarat Pengarah-pengarah JKKN adalah salah satu daripada aktiviti yang diurus setiakan oleh Bahagian Pengurusan JKKN yang diadakan sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun. Mesyuarat ini bertujuan untuk meneliti, memantau dan menilai aspek perancangan dan pelaksanaan aktiviti serta meneliti aspek pengurusan dan pentadbiran Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan Negeri.

Mesyuarat Pengarah-pengarah JKKN Bil.2 telah diadakan di *Swiss Garden Hotel & Residences*, Melaka pada 9 hingga 12 Disember 2014. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Norliza Rofli selaku Ketua Pengarah, JKKN.




Agenda mesyuarat dimulakan dengan amanat YBhg. Ketua Pengarah dan seterusnya diikuti dengan pembentangan laporan peringkat JKKN Negeri-negeri. Pada 10 Disember 2014, sesi *Team Building* yang melibatkan semua ahli mesyuarat telah diadakan di Kem Lambaian Danau, Jasin, Melaka.

Program ini diadakan bagi membentuk semangat kerjasama yang kukuh dalam usaha mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Para Pegawai telah

menunjukkan kemahiran masing-masing dengan membina rakit dan berakit di Tasik Lambaian Danau yang mendamaikan. Aktiviti diteruskan dengan permainan 'Egg War' yang menyaksikan peperangan di antara kumpulan 'Bangladesh' dan 'Indonesia'.

Pada sebelah malamnya, ahli mesyuarat menunjukkan kehebatan dan bakat seni masing-masing dalam persembahan sempena malam kebudayaan. Pelbagai aksi lucu dan menarik dapat disaksikan sepanjang berlangsungnya persembahan. Mesyuarat diteruskan pada 11 dan 12 Disember dengan agenda yang telah ditetapkan iaitu Laporan Bahagian, Rumusan KPI 2014 dan Pembentangan Penstrukturan Semula Pentadbiran dan Pengurusan JKKN di seluruh Malaysia di mana isu perjawatan dan fungsi setiap Bahagian dikupas satu persatu dengan jelas oleh setiap Pengarah Bahagian masing-masing. Transformasi hala tuju Jabatan juga telah dijelaskan dengan matlamat ia akan membawa kepada satu perubahan yang lebih baik dan keberkesannya dirasai oleh semua kakitangan, penggiat seni dan khalayak masyarakat.





**TAHUKAH  
ANDA?**

# RANDAI

Randai merupakan salah satu seni-budaya masyarakat Minangkabau di Beranang, Jelebu, Kuala Pilah dan Mantin. Randai berasal daripada perkataan "merandai," bermaksud mengarang atau melingkar suatu kawasan lapang untuk mencari sesuatu yang hilang. Pada masa dahulu ia sering dipersembahkan pada pesta menuai padi, upacara perkahwinan dan adat istiadat lain. Sejajar dengan tempat asal masyarakatnya, randai di Negeri Sembilan adalah berasal dari orang Minangkabau di Sumatera Barat. Demikian juga halnya dengan Caklempong, Bongai, Tumbuk Kalang, Dikir Rebana, Tari Piring dan Berendoi. Randai yang ada di Negeri Sembilan pada hari ini masih terikat pada Randai di Negeri asalnya di Minangkabau. Walau bagaimanapun, randai di Negeri Sembilan mempunyai ciri-ciri yang berbeza daripada di Sumatera Barat.

Randai terdiri daripada empat gerak tari iaitu asas tari, silat, gurindam/nyanyian, muzik dan lakonan. Konsep randai ini iaitu gerak gelombang yang cukup menarik di mana elemen kesatuan, kerjasama kesepakatan timbul untuk menghasilkan randai gelombang yang menarik. Persembahan randai biasanya dipersembahkan dalam tempoh 45 minit - 1 jam bergantung kepada sebuah cerita yang disampaikan.



Nik Mohd Fadly Bin Nik Mat  
JKKN Negeri Sembilan.



# BENGGEL KETRAMPILAN 2014.

## APAKAH MAKSUD KETRAMPILAN DIRI?

- Cara kita melihat dan berhubung dengan diri sendiri dan orang lain
- Penampilan secara fizikal
- Perasaan nilai diri dan keyakinan diri

Bengkel Ketrampilan 2014 merupakan anjuran Bahagian Pembangunan Produk Seni Budaya, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. Bengkel ini dilaksanakan pada 18 hingga 20 November 2014 bertempat di Hotel Sport Olympic, Kuala Lumpur yang melibatkan 30 orang peserta yang terdiri daripada pegawai kebudayaan, dan wakil daripada Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang aktif dengan kegiatan seni dan budaya dalam pelbagai peringkat. Penganjuran kali pertama bengkel ini telah berjaya diadakan pada 21 hingga 23 Mei 2013 yang melibatkan 38 orang peserta terdiri daripada artis budaya dan pemuzik Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara seluruh negeri.

Tujuan dan Objektif Bengkel Ketrampilan 2014:

- Memberi ilmu ketrampilan yang betul kepada pegawai-pegawai, Artis-artis budaya KKKJ serta wakil NGO
- Memberi pendedahan cara berkomunikasi dan berpakaian mengikut kepelbagaian acara sama ada acara dalam negeri atau luar negeri
- Memberi pengetahuan dan pendedahan bukan sahaja dalam acara tetapi juga adab di meja.

Maklum balas peserta:

Kebanyakannya mencadangkan supaya bengkel ini diteruskan di masa hadapan kerana ilmu pengetahuan serta pendedahan melalui bengkel ini amat berguna untuk berdepan dengan kerja-kerja yang melibatkan urusan dengan ramai orang dan juga amat penting untuk kehidupan seharian.

Ketrampilan diri yang positif membolehkan anda:

- Mengenal dan menerima bentuk tubuh sendiri
- Mempunyai harga diri yang tinggi
- Mempunyai keyakinan diri.




**Suhaila Affiza Ng.**  
Bahagian Pembangunan  
Produk Seni Budaya  
(Industri Kreatif), JKKN





**JKKN@Media**  
 mengimbuai aktiviti  
 Cawangan Komunikasi Korporat  
 JKKN yang diterajui oleh Cik Ezlina  
 Elias, Khairul Anuar Samsuddin,  
 Mohd Asyraf Yusof dan beberapa  
 pegawai lain yang turut sama  
 mempromosi dan mewar-  
 warkan program anjuran  
 JKKN






# HARI KELUARGA KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA 2014

Tanggal 13 Disember 2014,



bertempat di Taman Equestrian Putrajaya, Presint 5, Putrajaya telah berlangsung program Hari Keluarga Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (KPK) 2014. Program yang dirasmikan oleh YBhg Datuk Dr Ong Hong Peng, Ketua Setiausaha KPK. Program ini turut dihadiri oleh Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha, Ketua-ketua Pengarah, Pegawai-pegawai Kanan KPK dan warga KPK dari pelbagai Agensi.

Program dimulakan seawal jam 7.00 pagi dengan aktiviti Senam Seni 1Malaysia yang diketuai oleh Artis-artis Budaya JKKN. Program turut dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti sukan dan permainan seperti pertandingan tarik tali, catur, lari dalam guni, karaoke, pertandingan mewarna, *treasure hunt* dan pelbagai aktiviti menarik yang lain. Setiap Agensi/Jabatan dibahagikan mengikut 'rumah' masing-masing dengan penglibatan beberapa Bahagian daripada KPK. Setiap rumah menunjukkan semangat dan kehebatan masing-masing bagi merebut hadiah-hadiah yang disediakan. Ini menjadikan program Hari Keluarga KPK meriah dengan sorak dan gelak tawa. Setiap rumah memenangi hadiah bagi kategori kemenangan masing-masing.

Program yang berakhir jam 2.00 petang berjaya mengeratkan ikatan kerjasama dan ukhwah sesama warga KPK.









# W E F I E J K K N





# SENARAI BAHAN PENERBITAN JKKN YANG DIJUAL

BIL	TAJUK	HARGA SEUNIT (RM)	KUANTITI BELIAN
1.	1000 Pantun Dondang Sayang	20.00	
2.	Adat Istiadat Perkahwinan Tradisional Melayu Terengganu	14.00	
3.	Adat Resam Masyarakat Malaysia	18.00	
4.	Alam Terbentang Menjadi Guru	20.00	
5.	Alelatel Muzik Dan Muzik Instrumental Kadazan Dusun Tambunan	8.50	
6.	Alat Muzik Sompoton Negeri Sabah	8.50	
7.	Alat Muzik Tradisional Dalam Masyarakat Melayu di Malaysia	13.50	
8.	Anak Raja Gondang dan Lain-lain Cerita Makyung	15.00	
9.	Aspek Lakonan Dalam Teater Bangsawan (Kulit Tebal)	43.00	
10.	Aspek Lakonan Dalam Teater Bangsawan (Kulit Nipis)	35.00	
11.	Acting Aspect In Bangsawan Theatre	35.00	
12.	Bahasa Diajaran Masa	15.00	
13.	Biografi Tokoh Budaya Negeri Perlis	25.00	
14.	Budaya & Masyarakat Berbilang Kaum di Malaysia (Jilid 1)	20.00	
15.	Budaya & Masyarakat Berbilang Kaum di Malaysia (Mandarin)	20.00	
16.	Plural Culture & Society In Malaysia	12.00	
17.	Bahasa Melayu Titaan Ilmu (Jilid II)	20.00	
18.	The Malays Language : Bridge To Knowledge (Volume II)	20.00	
19.	Sastera Kebangsaan, Pendidikan Sastera dan Pembinaan Negara (Jilid 3)	20.00	
20.	Biografi Primadona Bangsawan : Aminah Nani	12.00	
21.	Dondang Sayang Tradisi Negeri Melaka	10.00	
22.	Gagasan 1Malaysia Melalui Landasan Seni dan Budaya	35.00	
23.	Hari-Hari Perayaan Masyarakat Malaysia	18.00	
24.	Hari-Hari Perayaan Masyarakat Malaysia (Bahasa Mandarin)	35.00	
25.	Malaysian Festivals	25.00	
26.	Istiadat Naik Bual	8.50	
27.	Joget Gamelan Terengganu & Pahang	78.00	
28.	Joget Lambak	10.00	
29.	Kamus Lundeyeh	45.00	
30.	Kanjat	25.00	
31.	Gambus : Sejarah, Instrumentasi & Gaya Permainan Di Johor	20.00	
32.	Malaysian Customs & Traditions	28.00	
33.	Kebudayaan Malaysia (Kulit Tebal)	20.00	
34.	Kebudayaan Malaysia (Kulit Nipis)	17.00	
35.	Lirikan Lirik	30.00	
36.	Malaysian Culture (Kulit Tebal)	20.00	
37.	Malaysian Culture (Kulit Nipis)	17.00	
38.	Kisah Ombak Tiga Bersaudara	23.00	
39.	Koleksi Puisi Tradisional Berbalas Pantun Merakam Zaman	35.00	
40.	Koleksi Lagu - lagu Koir Kebangsaan (Bersama CD)	33.00	
41.	Koleksi Pengenalan Tarian & Muzik Tradisional Negeri Pahang	10.00	
42.	Negeri Kebayan dan Lain - Lain Cerita	15.00	
43.	Nyanyian Rakyat Kha zarah Bangsa Yang Hilang	12.00	
44.	Pantun Warisan Rakyat	15.00	
45.	Pemikiran Kesusasteraan : Wajah dan Wadah Kebudayaan Kebangsaan	16.50	
46.	Penyair Laut J. M. Aziz (Kulit Tebal)	35.00	
47.	Penyair Laut J. M. Aziz (Kulit Nipis)	30.00	
48.	Perkahwinan Masyarakat Di Malaysia	32.00	
49.	Resepi Nasi 100	30.00	
50.	Sejarah dan Perkembangan Tarian Tarinal Perlis	8.50	
51.	Seri Terengganu	25.00	
52.	Seniman Negara Ke -7 Datuk (Dr) Ahmad Nawab	45.00	
53.	Set Koleksi Siri Mengenali Budaya 1/2003 (Dabus, Hamdolak, Mek Mulung, Dikir Barat, Boria, Jikey dan Wayang Kulit)	48.00	
54.	A Collection Of Cultural Appreciation Series 1/2003 (Dabus, Hamdolak, Mek Mulung, Dikir Barat, Boria, Jikey dan Wayang Kulit)	48.00	
55.	Siri Penyelidikan Seni dan Budaya Selangor Darul Ehsan : Dabus	10.00	
56.	Siri Penyelidikan Seni dan Budaya Selangor Darul Ehsan : Kompang Jawa	15.00	
57.	Siri Tokoh Anugerah Seni Negara (Haji Abdul Rahman Abu Bakar, Datuk Dr. Ahmad Nawab bin Nawab Khan dan YB. Senator Tan Sri Datuk Jins Shamsudin)	42.00	
58.	Syair Asyiqin	12.00	
59.	Syed Alwi Seniman Negara (Kulit Tebal)	52.00	
60.	Syed Alwi Seniman Negara (Kulit Nipis)	30.00	
61.	Syed Alwi Artiste Extraordinaire	30.00	
62.	Tamadun Rumpun Budaya Melayu	20.00	
63.	Tradisi Lisan Bercorak Cerita	30.00	
64.	Wayang Gedek Kesenian Warisan Melayu	15.00	
65.	Monograf Seni Budaya Bil. 1	30.00	
66.	Monograf Seni Budaya Bil. 2	25.00	



# CD VCD DVD

BIL	TAJUK	KATEGORI	HARGA SEUNIT (RM)	KUANTITI BELIAN
1.	Bangsawan 5 Bersaudara	DVD	20.00	
2.	Bangsawan Celorong Cheloreng	DVD	20.00	
3.	Festival Tari Kebangsaan 2009	DVD	20.00	
4.	Gerak	DVD	10.00	
5.	Inspirati 2010	DVD	20.00	
6.	Inspirati 2011 : Inspirasi Tari Malaysia (Bersama Buku)	DVD	30.00	
7.	Inspirati 2012	DVD	20.00	
8.	Inspirati 2013	DVD	26.00	
9.	Konsert Dir. Koir Kebangsaan Malaysia	DVD	10.00	
10.	Pembelajaran Tarian - Tarian Malaysia	DVD	15.00	
11.	Senam 1 Malaysia (Baru)	DVD	10.00	
12.	Senam Seni (Lama)	DVD	10.00	
13.	No Wrong Notes	DVD	10.00	
14.	Dodoi Si Manja	VCD	10.00	
15.	Festival Kesenian ASEAN	VCD	10.00	
16.	Festival Kesenian Kanak - Kanak 2003	VCD	10.00	
17.	Festival Kesenian Kanak - Kanak 2004	VCD	10.00	
18.	Kesenian Tradisional Negeri Melaka	VCD	10.00	
19.	Majlis Kenduri Adat Melenggang Perut	VCD	10.00	
20.	Perkahwinan Adat Rembau	VCD	10.00	
21.	Persembahan Wayang Gedek Seri Asun	VCD	10.00	
22.	Selampit Raja Besar Ho Gading	VCD	10.00	
23.	Semangat Merdeka	VCD	10.00	
24.	Siri Dokumentari Kesenian Tradisional Malaysia : Jikey	VCD	10.00	
25.	Siri Dokumentari Kesenian Tradisional Malaysia : Hamdolok	VCD	10.00	
26.	Siri Dokumentari Kesenian Tradisional Malaysia : Mek Mukung	VCD	10.00	
27.	Tarian Tradisional Terengganu	VCD	10.00	
28.	Tunas Budaya	VCD	10.00	
29.	Upacara Pasak Indong : Majlis Kenduri Adat Kaum Tidong	VCD	10.00	
30.	Bintang Asli Remaja 2006	CD	15.00	
31.	Dendangan Indera Kayangan	CD	10.00	
32.	Dendang Rakyat Terengganu	CD	10.00	
33.	Folk Tunes of Malaysia / Irama Lagu - Lagu Rakyat Malaysia	CD	10.00	
34.	Irama Asli (Minus One)	CD	20.00	
35.	Irama Malaysia (Minus One)	CD	20.00	
36.	Keroncong	CD	10.00	
37.	Lagu - Lagu Bongali	CD	10.00	
38.	Lagu-Lagu Melayu Sarawak : Tergetel-geleng	CD	10.00	
39.	Lagu - Lagu Rakyat Negeri Pahang : Roslan Madun	CD	10.00	
40.	Lagu - Lagu Rakyat Malaysia (Zaimal Abidin)	CD	10.00	
41.	Lagu-lagu Kumpulan Tumbuk Katang	CD	10.00	
42.	Muzik & Lagu Tradisional Perak	CD	10.00	
43.	Pertandingan Akhir Bintang Asli Remaja Kebangsaan 2007	CD	10.00	
44.	Prosa Tradisional	CD	13.00	
45.	Lagu Rakyat (Versi Baru)	CD	11.00	



Pembelian bahan-bahan terbitan boleh dibuat dengan menghubungi :-  
**Bahagian Dokumentasi Dan Penerbitan**  
 Aras 19, Lot 1001, Menara TH Perdana,  
 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur  
 No. Tel : 03 - 2614 8200  
 No. Faks : 03 - 2697 1066 / 67

# JKKN

JABATAN KEBUDAYAAN  
& KESENIAN NEGARA  
جائتھ كبر دایان دان كسنيان نكرا

**JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA**  
ARAS 16,18,19,26,27,30 DAN 34  
LOT 1001, MENARA TH PERDANA  
JALAN SULTAN ISMAIL  
50250 Kuala Lumpur  
No. Tel. : 03-2614 8200  
Faks : 03-2697 0884

**Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Perlis,**  
Kompleks JKKN Perlis,  
Persiaran Wawasan Kangar,  
01000 Kangar,  
PERLIS INDERA KAYANGAN,  
No. Tel : 04 - 979 3604  
No. Faks : 04 - 977 0117

**Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Kedah,**  
Kompleks JKKN Kedah,  
Lot PTD 400, 05250 Alor Setar,  
KEDAH DARUL AMAN,  
No. Tel : 04 - 731 5930  
No. Faks : 04 - 733 8128

**Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Pulau Pinang,**  
Kompleks JKKN Pulau Pinang,  
Kompleks Pusaka Warisan Seni,  
Lot no. 2180 Jalan Rawang,  
Off Jalan P. Ramlee,  
10460 PULAU PINANG  
No. Tel : 04 - 281 7791/7792  
No. Faks : 04 - 281 7781

**Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Perak,**  
Kompleks JKKN Perak,  
Lot 20561 @ 20565,  
Jalan Cardwell, Off Jalan Raja Di Hilir,  
30350 Ipoh,  
PERAK DARUL RIDZUAN  
No. Tel : 05 - 253 7001  
No. Faks : 05 - 241 7017

**Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Selangor,**  
Lot 22.2 Tingkat 22, Wisma MBSA  
Persiaran Perbandaran,  
40000 Shah Alam,  
SELANGOR DARUL EHSAN  
No. Tel : 03 - 5510 2664/2791  
No. Faks : 03 - 5510 2839

**Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Wilayah Persekutuan,**  
Kompleks JKKN WPKL,  
Jalan Tun H.S Lee,  
50000 KUALA LUMPUR  
No. Tel : 03 - 2072 6431/6779  
No. Faks : 03 - 2070 4064

**Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Negeri Sembilan,**  
Kompleks JKKN Negeri Sembilan,  
Jalan Sungai Ujong,  
70200 Seremban,  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS  
No. Tel : 06 - 767 6793/763 6308  
No. Faks : 06 - 763 4417

**Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Melaka,**  
Kompleks JKKN Melaka,  
Lebuh Ayer Keroh,  
75450 MELAKA  
No. Tel : 06 - 233 1790/233 1787  
No. Faks : 06 - 233 1784

**Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Johor,**  
Aras 6 Kiri, Wisma PERKESO,  
No 26, Jalan Susur 5,  
Off Jalan Tun Abdul Razak, Larkin,  
80200 Johor Bahru,  
JOHOR DARUL TAKZIM  
No. Tel : 07 - 224 8270/223 1249  
No. Faks : 07 - 223 9413

**Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Pahang,**  
Kompleks JKKN Pahang,  
Lot 57100, Jalan Tok Sisek,  
25000 Kuantan,  
PAHANG DARUL MAKMUR  
No. Tel : 09 - 517 8466  
No. Faks : 09 - 517 9466

**Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Terengganu,**  
Kompleks JKKN Terengganu,  
Kuala Ibai,  
20400 Kuala Terengganu,  
TERENGGANU DARUL IMAN  
No. Tel : 09 - 617 8831  
No. Faks : 09 - 617 8832

**Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Kelantan,**  
Lot 1993, Seksyen 49,  
Tanjung Chat, 15200 Kota Bharu,  
KELANTAN DARUL NAIM  
No. Tel : 09 - 741 7000  
No. Faks : 09 - 741 7004

**Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Sarawak,**  
Tingkat 5 Bangunan Sultan Iskandar,  
Jalan Simpang Tiga,  
93000 Kuching,  
SARAWAK  
No. Tel : 082 - 422 006/423 106  
No. Faks : 082 - 244 394

**Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Sabah,**  
Kompleks JKKN Sabah,  
Km 4 Jalan Penampang,  
88200 Kota Kinabalu,  
SABAH  
No. Tel : 088 - 237052/051  
No. Faks : 088 - 242 052



sahabatbudaya  
.blogspot



@sahabatbudaya



sahabatbudaya



sahabatbudaya



sahabatbudaya